


Jilid I  
Bil. 72



Hari Rabu  
26hb November, 1975

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 7989]

### RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1976:

Jawatankuasa (Hari Ketiga)—  
Jadual

Kepala B. 13, B. 14 dan B. 15 [Ruangan 8020]  
Kepala B. 40, B. 41 dan B. 42 [Ruangan 8034]

### USUL:

Anggaran Pembangunan Sementara, 1976:

Jawatankuasa (Hari Ketiga)—  
Kepala P. 41 dan P. 42 [Ruangan 8034]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parliment*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

---

Hari Rabu, 26hb November, 1975

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**YANG HADIR:**

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- ” Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- ” Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K., S.I.M.P. (Lipis).
- ” Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- ” Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- ” Menteri Undang-undang dan Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., P.J.K., B.C.K., A.D.K. (Tenggaroh).
- ” Menteri Kebajikan Am, PUAN HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, J.M.N., A.D.K. (Kuala Langat).
- ” Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, P.G.D.K. (Samarahan).
- ” Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ALI BIN HAJI AHMAD, S.P.M.J., S.M.J. (Pontian).
- ” Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, P.G.D.K., P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- ” Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).
- ” Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J. (Labis).
- ” Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- ” Timbalan Menteri Penyelarasaran Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- ” Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- ” Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- ” Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).  
 " Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).  
 " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN HAJI RAMLI BIN OMAR, P.M.P., K.M.N. (Bagan Serai).  
 " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUSTAPHA BIN ALI (Kuala Trengganu).  
 " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Tenaga, Teknoloji dan Penyelidikan, DR NEO YEE PAN (Muar).  
 " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perumahan dan Kampung-kampung Baru, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIF (Kuantan).  
 " Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN RAIS BIN YATIM (Jelebu).  
 " Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).  
 " TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).  
 " TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Batu Pahat).  
 " TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).  
 " PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).  
 " TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).  
 " TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).  
 " TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).  
 " TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).  
 " TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim-Bandar Bahru).  
 " TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).  
 " TUAN BUJA BIN GUMBILAI A.S.D.K. (Tuaran).  
 " DR CHEN MAN HIN (Seremban).  
 " TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).  
 " TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).  
 " TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).  
 " TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).  
 " TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).  
 " TUAN EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).  
 " TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).  
 " TUAN FARN SEONG THAN (Sungai Besi).  
 " DATIN HAJjah FATIMAH BINTI HAJI ABD. MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).  
 " TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).  
 " TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).  
 " DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).  
 " TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).  
 " TAN SRI SYED JA'AFAR ALBAR, P.M.N., D.P.M.J. (Panti).  
 " TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bharu).  
 " TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).  
 " TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).  
 " TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).  
 " TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LEW SIP HON, K.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LEBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LEBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- „ TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR (Ulu Nerus).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „ DATUK HAJI SHAFEI BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## YANG TIDAK HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N., K.O.M. (Pekan).
- ” Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Menteri Penyelaras Perbadanan Awam, DATUK HUSSEIN BIN DATUK ONN, S.P.M.J., S.I.M.P., P.I.S. (Sri Gading).
- Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- ” Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- ” Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- ” Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- ” Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAudeen AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K., Tengku Sri Mara Raja (Kota Bharu).
- ” Menteri Pelajaran, DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kubang Pasu).
- ” Timbalan Menteri Penerangan, DATUK SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- ” Timbalan Menteri Perhubungan, DATUK HAJI WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kemaman).
- ” Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MAT ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- ” Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- ” Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- ” Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN ABU BAKAR BIN UMAR, S.D.K. (Kota Setar).
- ” Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, TUAN ABDULLAH BIN MAJID, K.M.N. (Raub).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- ” Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- ” TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP, P.S.M. (Padang Rengas).
- ” DATUK PATINGGI HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang).
- ” TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- ” PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- ” TUAN AJAD BIN O.T. OYUNG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- ” TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- ” PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- ” TUAN STEPHEN ROBERT EVANS (Keningau).

- Yang Berhormat DR HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- " TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- " TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- " TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- " DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- " TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- " DATUK LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- " DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- " TUAN LUHAT WAN (Baram).
- " TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- " TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjong Malim).
- " TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- " TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- " TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- " TUAN HAJI MOHD TAUFEEK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- " TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- " TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- " TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- " TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- " TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- " TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- " TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- " TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- " TENGKU TAN SRI RAZALEIGH BIN TENGKU MOHD. HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- " WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- " PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA, A.D.K. (Kimanis).
- " TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- " TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- " TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- " TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- " TENGKU ZAID AL-HAJ BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- " TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## DOA

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

### JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

#### RUKUN TETANGGA BAGI WANITA

**1. Tuan Edwin anak Tangkun** minta Perdana Menteri menjelaskan samada wanita di antara umur 18 dan 55 tahun diperlukan mendaftar untuk tugas kawalan di bawah Rukun Tetangga oleh kerana sebilangan wanita sanggup memikul tanggungjawab mempertahankan negara.

**Menteri Undang-undang dan Peguam Negara (Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof):** Tuan Yang di-Pertua, saya tahu bahawa kaum wanita kita telah menyatakan kesanggupan mereka untuk turut serta bagi mempertahankan kedaulatan negara Kerajaan memang mengucapkan terima kasih atas kesanggupan itu. Tetapi buat masa ini, Kerajaan fikir tidaklah perlu bagi wanita-wanita di antara umur 18 hingga 55 tahun menyertai rancangan Rukun Tetangga.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, mengapa-kah sebab-sebab ketidak-perluan wanita-wanita yang berumur 15 atau 18 tahun tidak bertugas dan menjadi ahli dalam Rukun Tetangga ini.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Kerajaan telah berpendapat perkara berjaga pada waktu malam itu di keliling bandar untuk menjaga keamanan biarlah pada masa ini dibuat oleh kaum laki-laki dahulu dan jangan digunakan kaum wanita kita. Kalau ada kekurangan pada masa akan datang, barulah Kerajaan akan memikirkannya tetapi bagi masa ini memang belum berkehendakkan. Itulah tujuannya. Sebab lain saya tidak tahu.

#### RASUAH—TUDUHAN KEPADA AHLI PARLIMEN MACHANG

**2. Tuan Chian Heng Kai** minta Perdana Menteri menyatakan samada Biro Siasatan Negara telah menerima sepucuk surat bertarikh 2hb September, 1975 daripada sekumpulan orang dari Seremban yang mensifatkan diri mereka sebagai "kumpulan

anti-rasuah negara" yang mendakwa bahawa Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi kawasan Machang telah terlibat dalam perkara-perkara rasuah dan jika ya, nyatakan samada Biro Siasatan Negara telah menyiatis mengenai perkara ini.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, Biro Siasatan Negara ada menerima surat yang berkenaan yang tidak bertandatangan yang sebenarnya ada membuat tuduhan bahawa Yang Berhormat Ahli Parlimen bagi kawasan Machang ada mempunyai banyak harta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Batu Gajah, Ahli Yang Berhormat itu telah juga memberi keterangan mengenai harta-harta yang diperolehnya sebelum Ahli Yang Berhormat itu memegang jawatan Timbalan Menteri.

Biro Siasatan Negara sememangnya tahu akan hal ini dan ada suratnya.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sekiranya ada surat yang bertandatangan berkenaan dengan perkara ini, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan mengarahkan siasatan?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kalau ada surat yang bertandatangan, adakah B.S.N. akan membuat siasatan?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, saya boleh menerangkan di sini berkenaan dengan siasatan ini sebaik-baiknya seseorang itu merepot kepada pihak Polis supaya senang terus disiasat. Kalau repot itu bohong, boleh kita dakwa dia di mahkamah kerana membuat repot bohong.

Yang kedua, surat-surat yang saya selalu dapat dengan bertandatangan yang sebenar dengan alamatnya kepada B.S.N. atau Peguam Negara yang mana kalau kandungan itu menepati, difikirkan menasabah, kita terus siasat kerana kita tahu kejujuran seseorang yang menghantar surat itu kerana ada tandatangannya, cuma dia tidak mahu orang lain tahu hal itu.

Yang ketiga, surat melayang banyak diberi tetapi ada tandatangan, samada benar atau tidak.

Yang akhir sekali, surat melayang yang tidak ada tandatangan. Tentang siasatannya mengikutlah kandungan dalam surat itu. Dalam pengalaman saya walaupun tidak bertandatangan, kalau benda itu tepat, terang, ada butir-butir yang boleh kita kejar kalau kita hendak siasat, saya selalu memerintahkan B.S.N. atau Polis supaya menyiasat. Kadang-kadang ada pula tandatangan tetapi am sahaja, tidak saya siasat. Samada disiasat atau tidak bukan kerana tandatangan atau tidak tetapi atas kandungan surat itu. Sebabnya ialah kalau semua surat melayang ada tandatangan atau tidak ada tandatangan hendak disiasat, susahlah. Misalnya kalau ada surat melayang yang mengatakan (maafkan saya) bahawa Ahli Yang Berhormat dari Batu ada menghantar atau membayar duit kepada kominis, takkan hendak disiasat. Kalau saya kata siasat, bila mesyuarat lagi akan ditanya samada siasatan itu sudah selesai atau belum. Itu merbahaya. Kita semua teruk. Itulah jawapan saya untuk menerangkan perkara itu di Dewan yang mulia ini.

**Tan Sri Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, tidak syak lagi bahawa surat-surat terbang itu telah menerbitkan kekeliruan dan syak dalam pandangan orang ramai terhadap orang yang dituduh. Oleh itu, saya hendak tahu apakah cadangan Kerajaan untuk membersihkan nama Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu, kerana walaupun sabit atau tidak sabit kekeliruan telah ditimbulkan. Adakah Kerajaan tidak berfikir bahawa wajib sebagai Kerajaan membersihkan nama Ahli Yang Berhormat itu?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Panti itu kalau ada mengandungi butir-butir yang patut disiasat tentulah disiasat perkara ini. Sesudah disiasat, kalau ada bukti, kita jalankan tindakan, kalau tidak ada bukti, tidak adalah hendak dapat dijalankan.

**Tan Sri Syed Ja'afar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya ingin hendak tahu iaitu apakah cadangan Kerajaan untuk membersihkan nama Ahli Yang Berhormat yang telah dituduh samada dengan benar atau batil atau dengan salah—itu pertanyaan saya.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, hendak disiasat.

### PENCEN KEPADA POLIS HASSAN BIN SALLEH

**3. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa seorang anggota polis bersara bernama Hassan bin Salleh, bekas Mata-mata No. 6335 yang tinggal di Kg. Kedai Tanjong, Alor Pasir, Pasir Mas, telah tidak menerima pencennya sejak bulan November, 1974. Jika ya, berikan sebab-sebab mengapa pencennya itu tidak dibayar.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pesara yang berkenaan itu telah lewat menerima wang pencennya bagi beberapa bulan sejak bulan November 1974 oleh kerana Buku Waran Pencennya tidak dapat disampaikan oleh pihak Jabatan Pos di alamat yang diberikan oleh pesara itu. Hanya setelah beberapa bulan barulah pesara yang berkenaan itu memberitahu kedudukannya dan alamat yang sebenar kepada pihak berkuasa. Buku Waran Pencen yang baru telahpun dikeluarkan kepada pesara itu dan pembayaran pencen kepada pesara telahpun sempurna dan telah diselenggarakan sekarang.

### PERJUMPAAN ULAMA-ULAMA ISLAM

**4. Tuan Haji Ahmad Shukri bin Haji Abdul Shukor** minta Perdana Menteri menyatakan samada Malaysia bercadang menganjur suatu perhimpunan Alim Ulama Islam dari seluruh dunia seperti yang disarankan oleh beliau di Pertandingan Membaca Quran yang baru lalu. Jika tidak, apakah usaha-usaha lain yang akan dibuat terhadap melaksanakan syor-syor tersebut.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan belum bercadang hendak menganjurkan perjumpaan ulama-ulama dan pakar Islam sedunia. Bagaimanapun, perkara ini akan dibawa ke Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia untuk ditimbangkan.

### RUMAH BAGI PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

**5. Wan Zainab binti M. A. Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan:

(a) apakah kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai oleh Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan Sdn. Bhd.

dalam usahanya hendak mengadakan rumah-rumah bagi Pegawai-pejawai Kerajaan semua peringkat terutamanya di peringkat rendah; dan

- (b) samada beliau sedar bahawa rancangan perumahan bagi Pegawai-pejawai Kerajaan di Damansara Heights yang dimulakan dalam tahun 1971 tidak berjalan dengan sempurna dan perlaksanaannya lewat, dan jika ya, adakah pelaksanaan rancangan itu tergendala disebabkan Dewan Bandaraya menge-nakan beberapa syarat yang ketat terhadap rancangan tersebut.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang di-Pertua, Syarikat Perumahan Pegawai Kerajaan Sdn. Bhd. telah ditubuhkan dalam bulan April, 1971, dan telah memperolehi seluas 1,450 ekar tanah untuk projek perumahannya di beberapa kawasan dalam negara ini. Setakat ini, Syarikat telah membina dan menjual sebanyak 1,300 unit berbagai-bagai jenis rumah. Ini termasuk 294 unit rumah ber-deret satu tingkat untuk pegawai-pejawai Kerajaan yang berpendapatan rendah.

Selain daripada itu, sebanyak 736 unit berbagai-bagai jenis rumah sedang dibina, yang mana 661 unit daripadanya adalah dari-pada jenis teres satu tingkat yang dimaksudkan untuk pegawai Kerajaan bergaji rendah.

Syarikat bercadang untuk membina lagi sebanyak 1,800 unit rumah berbagai jenis, mulai daripada awal 1976. Daripada jumlah ini 1,100 unit adalah jenis teres satu tingkat.

Syarikat ini akan terus berikhtiar mencari tanah-tanah yang berharga murah untuk di-jual kepada pegawai-pejawai Kerajaan dalam golongan ini, dan ini hanya dapat dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan. Sebagai menjawab kepada soalan (a) itu, saya menyatakan di sini bahawa pada keseluruhannya, kemajuan perjalanan yang dicapai oleh Syarikat setakat ini adalah me-muaskan.

Bagi menjawab pecahan soalan (b) me-njenai kemajuan rancangan perumahan yang dijalankan oleh Syarikat ini di Damansara Heights pula, adalah benar bahawa ada sedikit kelewatian dalam menyiapkan kerja-kerja asas. Ini disebabkan oleh kerana

keadaan kecuraman tanah yang sukar hendak dimajukan, dan juga adanya batu-batu besar yang perlu dipecah dan dibuang.

Ini telah menimbulkan masaalah-masaalah kejuruteraan kepada Syarikat. Juga, penggunaan sistem pembetungan najis pusat bagi kawasan ini, memerlukan masa yang panjang untuk menyiapkannya. Kesulitan juga ter-dapat dalam perkara menyediakan pem-bekalan air yang baik, tetapi saya suka-cita menyatakan bahawa segala masaalah-masaalah ini telah dapat diatasi.

Oleh kerana syarikat ini ialah pemaju perumahan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat, ianya mesti mengikut peraturan-peraturan yang dikenakan oleh kuasa-kuasa tempatan. Syarikat ini telah mendapat kerja-sama yang baik daripada Dewan Bandaraya untuk menjayakan projek yang susah ini. Syarikat ini telahpun menjual sebanyak 122 unit tapak rumah di kawasan ini kepada pegawai-pejawai Kerajaan.

**Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Syarikat ini banyak mengeluarkan rumah-rumah kepada pemohon-pemohon dan di dalam proses pembinaan ada ketikanya harga rumah itu tidak seimbang dengan jumlah pinjaman yang diluluskan oleh pihak Kerajaan kepada pegawai-pejawai tersebut terutama sekali pegawai-pejawai yang berpendapatan rendah. Jadi, terpaksa-lah pegawai-pejawai itu mendapatkan bantuan pinjaman daripada pihak bank atau mana-mana badan kewangan. Dalam masaalah ini pegawai-pejawai tersebut men-hadapi kesulitan kerana pihak-pihak bank berkehendakkan title dan grant tanah itu tetapi syarikat perumahan tidak dapat mengeluarkan dan ini menjadi beberapa tergendala untuk pegawai-pejawai tersebut mendapatkan rumah itu. Dalam perkara ini saya hendak bertanya apakah cadangan pihak Kerajaan untuk menolong supaya pegawai-pejawai ini dapat memiliki rumah dan dapat membuat pinjaman daripada pihak badan kewangan swasta apabila wang peruntukan pinjaman Kerajaan itu tidak men-cukupi.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, memang Kerajaan sedar bahawa ke-layakan seseorang pegawai untuk mendapat-kan pinjaman untuk membina rumah tidak mencukupi pada setakat ini oleh kerana

harga-harga rumah yang didirikan oleh syarikat ini telah naik kerana inflasi dan sebagainya. Akan tetapi, masaalah berkaitan dengan mortgage atau cagaran telah dijelaskan oleh syarikat ini oleh kerana ada juga beberapa syarikat ataupun bank-bank perdagangan yang bersetuju mendapat satu cagaran yang kedua (second charge) atas title itu.

**Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini beberapa badan kewangan termasuk beberapa bank tidak mahu menerima yang dikatakan second charge itu. Bolehkah pihak Kerajaan memberi surat jaminan kepada pemohon-pemohon rumah itu supaya kemudahan-kemudahan seperti itu boleh didapati oleh mereka?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, ini satu masaalah berkaitan dengan perniagaan di antara commercial bank dengan pemohon itu dan saya fikir tidak mustahak Kerajaan memberi jaminan kepada pemohon itu oleh kerana harta itu boleh menjadi satu charge atau cagaran. Tetapi masaalah ini sedang dikaji, masih dikaji oleh syarikat dan Bahagian Perumahan di Kementerian saya oleh kerana kita sedar bahawa ini adalah satu masaalah yang besar yang dihadapi oleh pegawai-pegawai.

## RANCANGAN PERTANIAN DI SARAWAK

**6. Tuan Sibat Miyut anak Tagong** minta Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk menambahkan rancangan pertanian di Sarawak terutama sekali di Bahagian Ketujuh.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar (Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang diterima daripada Kementerian Pertanian dan Kamajuan Masyarakat Sarawak, selain daripada kerja-kerja perkembangan langkah-langkah yang telah dan sedang diambil termasuk mengadakan sekim-sekim sabsidi meliputi lada hitam, padi, kelapa, koko, kopi dan sebagainya.

Berkenaan dengan Bahagian Ketujuh puluh, selain daripada kemudahan-kemudahan ini rancangan sedang dibuat untuk mengkaji keadaan tanah di seluruh Bahagian itu untuk menentukan kawasan yang sesuai bagi pembangunan pertanian.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Lim Cho Hock.

(*Soalan No. 7 Y.B. Tuan Lim Cho Hock tidak hadir*)

## K.W.S.P. PEKERJA-PEKERJA MAS—SIMPANAN DI BANK

**8. Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim** minta Menteri Perhubungan menyatakan dalam bank mana caruman K.W.S.P. pekerja-pekerja MAS disimpan.

**Setiausaha Parliment kepada Menteri Perhubungan (Tuan Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, caruman K.W.S.P. pekerja-pekerja MAS tidak disimpan di mana-mana bank, tetapi disimpan mengikut undang-undang iaitu dengan Lembaga K.W.S.P. Syarikat MAS ada mempunyai satu tabung lagi selain daripada K.W.S.P. untuk pekerja-pekerjanya dan tabung itu telah pun diluluskan oleh Jabatan Cukai Dalam Negeri Malaysia dan caruman bagi tabung itu adalah disimpan mengikut arahan Jabatan itu dan juga undang-undang lain mengenainya.

## PENGAWALAN PERTUKARAN ASING

**9. Dr Chen Man Hin** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbulkan mengadakan undang-undang memaksa orang-orang Malaysia yang mempunyai kira-kira bank di luar negeri supaya memberikan butir-butirnya kepada Bank Negara kerana ini dapat menyekat pengaliran keluar modal-modal orang Malaysia dan rasuah di peringkat tinggi.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang di-Pertua, kelulusan daripada Pengawal Pertukaran Asing adalah diperlukan sebelum seorang warganegara Malaysia dibenarkan membuka kira-kira Bank di seberang laut. Kelulusan yang sedemikian hanya akan diberi jika kira-kira tersebut dipergunakan bagi

tujuan-tujuan mempermudahkan perdagangan ataupun bagi perbelanjaan pelajaran dan sebagainya.

Di bawah dasar Kawalan Pertukaran Bebas yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang ini semua warganegara-warganegara Malaysia dibenarkan memindahkan tabungan-tabungan mereka kepada kira-kira di seberang laut dengan syarat mesti mengisi satu borong Kawalan Pertukaran yang biasanya boleh diluluskan oleh mana-mana Bank Perdagangan jika jumlah yang dipindahkan tadi melebihi M\$1,000 tetapi di bawah M\$1 juta. Jika jumlah-jumlahnya melebihi M\$1 juta, kelulusan dari Pengawal Pertukaran Asing adalah diperlukan.

Oleh yang demikian, pembukaan kira-kira bank di seberang laut adalah dikawal sepenuhnya oleh Jabatan Kawalan Pertukaran Asing dan tidak ada cadangan untuk meminda undang-undang sekarang memandangkan undang-undang ini adalah mencukupi bagi maksud-maksud pengawalan pertukaran asing. Tuduhan mengenai rasuah di peringkat tinggi adalah terlalu am dan soalan ini tidak timbul dalam kontek dasar pengawal pertukaran asing sekarang ini.

#### **PEMOHON TEKSI/LORI**

**10. Tuan Mohd. Zahari bin Awang** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan samada beliau sedar bahawa adanya permit-permit teksi dan lori yang telah diluluskan pemohon-pemohon yang tidak pun mempunyai lesen memandu dan dengan demikian tidak mengusahakan sendiri kenderaan-kenderaan itu serta ada kalanya pula pemohon-pemohon terdiri dari orang-orang perempuan yang tentunya tidak akan memandu teksi dan lori tersebut, jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalanraya bagi menentukan hal sedemikian tidak akan berlaku serta hanya permit-permit teksi dan lori akan diluluskan kepada pemohon-pemohon yang benar-benar mencari rezeki dengan memandu kenderaan tersebut.

**Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Datuk Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, ya saya sedar ada sebilangan kecil daripada permit-permit teksi dan lori yang telah diluluskan kepada pemohon-pemohon yang tidak mempunyai lesen pemandu dan juga pemohon-pemohon dari kalangan kaum wanita.

Berkenaan dengan lesen-lesen teksi, memang menjadi dasar Kementerian saya memberi keutamaan kepada bekas-bekas perajurit dan pemandu-pemandu teksi. Namun demikian dalam hal keadaan yang tertentu pihak Lembaga Pelesenan juga ada memberikan pertimbangan yang sewajarnya kepada pemohon-pemohon yang difikirkan layak mendapat permit-permit ini mengikut lunas-lunas perikemanusiaan juga sebagai menghargai jasa-jasa mereka kepada negara dan masyarakat. Walau bagaimanapun setiap pemberian permit adalah didasarkan kepada syarat-syarat asasi seperti adanya kekosongan di pengkalan-pengkalan tertentu, tinggal di kawasan pengkalan, mempunyai modal yang cukup dan pada kebiasaannya mestilah mengemukakan kepada Lembaga Pelesenan pemandu yang berkelayakan yang akan memandu teksi tersebut dan teksi tersebut mestilah disimpan di Pengkalan.

Selain dari itu Ahli Yang Berhormat tentu sedia maklum tentang adanya perempuan-perempuan serta orang-orang yang tidak mempunyai lesen memandu yang telah mewarisi permit-permit teksi dari suami atau tuan punya permit yang asal, mengikut Undang-undang Harta Pusaka. Kadangkala ada juga didapati bahawa walaupun sisuami yang mempunyai lesen memandu ataupun membawa teksi, tetapi si isteri berkehendakkan namanya sebagai pemilek permit teksi kerana modal yang dikeluarkan untuk membeli kereta adalah modal si isteri ataupun mereka berkongsi nama untuk mendapatkan satu permit teksi. Perkara seumpama ini adalah diambil kira tatkala mengeluarkan permit-permit teksi kepada orang-orang perempuan.

Dalam soal pengeluaran permit-permit lori pula, tidak ada apa-apa penyekatan yang dikenakan semata-mata atas sebab jantina seseorang pemohon itu kerana asas yang digunakan dalam menimbang sesuatu permohonan itu ialah keperluan perkhidmatan lori di kawasan yang dipohonkan itu, kemampuan seseorang pemohon itu dari segi modal dan kebolehan menyelenggara dan mengawas perniagaan lorinya. Saya percaya Ahli Yang Berhormat tentu setuju bahawa ramai orang-orang perempuan yang tidak kurang kemampuan dan kepintaran menjalankan perniagaan ini berbanding dengan kaum lelaki.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menjelaskan bahawa kalau sekiranya seseorang pemohon ada mempunyai semua syarat-syarat yang disebutkan untuk mengambil lesen, tetapi malangnya tidak mendapat lesen oleh kerana beliau tidak berkawan dengan orang kenamaan dan beliau melihat orang yang tidak boleh memandu teksi mendapat lesen. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar perkara ini berlaku dan jika sedar apakah tindakan yang beliau akan ambil supaya lesen teksi benar-benar diberi kepada orang-orang yang benar-benar memandu teksi.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalan itu telah-pun saya cover dalam jawapan saya tadi, tetapi walau bagaimanapun, saya ingin memberitahu kepada Ahli Yang Berhormat ada juga pemohon-pemohon yang mempunyai semua syarat tidak dapat diberikan kerana tidak ada pengkalan. Jadi, itulah yang menjadi sebab mengapa walaupun seseorang pemohon itu mempunyai semua syarat, tetapi masih tidak boleh dapat kerana tidak ada pengkalannya.

Berkenaan dengan seruannya supaya tindakan hanya diambil untuk memberi kepada orang-orang yang betul-betul layak, ini adalah memang menjadi kewajipan dan sentiasa kita awasi dan kita memang berbuat demikian. Kita hanya memberikan kepada orang yang mempunyai syarat yang harus diberi.

Selain daripada itu, kalau Ahli Yang Berhormat ada satu specific case yang deserve appeal daripada saya, Ahli Yang Berhormat atau sesiapa juga boleh berjumpa dengan saya kerana final appeal boleh dibawa kepada saya sebagai seorang Menteri yang bertanggungjawab.

**Tuan Mohd. Zahari bin Awang:** Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk membuat penyiasatan melalui Pegawai Daerah ataupun ajensi-ajensi Kerajaan yang lain selepas daripada temuduga itu dijalankan oleh Lembaga pilesenan.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, memang sesudah kita me-

nerima appeal daripada pemohon kita sentiasa menjalankan penyiasatan.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kementerian yang berkenaan menentukan syarat-syarat yang tertentu kepada seseorang pemohon bagi membolehkannya memohon sehingga dua ataupun tiga lesen teksi ataupun lori? Jadi, adakah apa-apa syarat tertentu yang difikirkan oleh Kementerian berkenaan bagi seseorang pemohon itu sebab setahu saya ada orang-orang yang mempunyai sampai dua ataupun tiga permit ataupun lesen teksi.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, biasanya kalau permohonan itu perseorangan kita hanya memberikan satu sahaja. Tetapi kalau syarikat kita memberi lebih daripada satu, mengikut keperluan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar kalau sekiranya beliau naik teksi di Kuala Lumpur boleh dikatakan 80% pemandu-pemandu teksi tiada mempunyai lesen untuk membawa teksi itu. Ini bermakna 80% pemandu teksi masih tiada mempunyai lesen teksi. Pagi ini saya telah naik teksi dan pemandu teksi itu berkata: "Doktor, saya telah memohon lesen teksi lebih daripada sepuluh tahun, tetapi permohonan itu tidak berjaya." Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menyiasat keadaan ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri telah menjawab soalan itu. Kalau ada cukup syarat, ada pengkalan dan ada cukup teksi dia akan luluskan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tadi Menteri yang berkenaan mengatakan kalau sekiranya saya ada bukti, sekarang soalan tambahan saya kalau sekiranya Yang Berhormat Menteri naik dalam sebuah teksi dalam Kuala Lumpur boleh dikatakan 80% pemandu teksi di Kuala Lumpur tiada berjaya permohonannya untuk mendapatkan teksi.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Boleh jadi apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah benar, tetapi bagaimanakah kita hendak berikan lagi kalau

lesen itu sudah kita keluarkan kepada syarikat ataupun orang yang telah memohon terlebih dahulu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Jadi, sudah cukuplah teksi, sudah ada.

**Tuan Mohd. Zahari bin Awang:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan mengapakah ada setengah tempat pengkalan itu belum diisyiharkan tetapi kelulusan lesen itu telah diberikan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan sebabnya mengapa lesen itu dikeluarkan sedangkan pengkalan itu belum diisyiharkan oleh Lembaga?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Biasanya kita advertise tetapi ada juga kadang-kadang pernah terjadi bila Ahli Jawatan-kuasa Kecil dalam sesuatu negeri itu dengan secara kebetulan baru sahaja mengirimkan recommendation mereka kepada Kementerian saya, permohonan lesen pun sudah kita terima. Jadi pada waktu itu kita tidak membuang masa lagi, kita terus approve orang yang mengirim permohonan terlebih dahulu.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar bahawa sekarang ini berlaku seseorang itu menyewa permit teksi yang telah dikeluarkan oleh Kementerian ini sehingga sampai 4—5 buah bagi seseorang dan mengumpulkan sewa daripada lesen atau permit teksi yang telah dikeluarkan kepada seseorang, kemudian dipajakkan kepada orang yang tertentu. Adakah Kementerian sedar, dan kalau sedar, apakah tindakan yang telah dibuat?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, ini boleh jadi ada benarnya, tetapi ini adalah cerita dahulu, selama beberapa tahun yang lepas, atau selama saya menjadi Menteri Pengangkutan saya tidak ada nampak yang Lembaga ada membenarkan begini banyak untuk seseorang tetapi waktu colonial days boleh jadi ada.

#### IBUSAWAT TALIPON DI SIBU

**11. Tuan Wee Ho Soon** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa kepersiti perkhidmatan talipon di Sibu sekarang ini sesungguhnya tidak me-

madai jika sedar, bilakah garisan-garisan talipon tambahan dan alat-alat perkakas yang berkenaan akan dipasang dan disiapkan untuk masyarakat peniaga di situ.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ibusawat talipon di Sibu sekarang ini dilengkapkan dengan 3,000 talian. Ibusawat ini telahpun penuh dan setakat bulan September 1975 ada lebih kurang 670 penunggu talipon di bandar tersebut.

Walau bagaimanapun, kerja binaan sedang berjalan dengan pesatnya untuk menampung ibusawat ini dengan sebanyak 3,000 talian lagi. Pembinaan ini dijangka siap pada pertengahan tahun 1976, selepas itu semua penunggu talipon akan diberi perkhidmatan. Dan lagi, muatan ibusawat ini akan ditambah dengan sebanyak 4,000 talian lagi (jumlah semuanya 10,000 talian) dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

#### PENAGIH-PENAGIH DADAH (DRUG ADDICTS)

**12. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Menteri Kebajikan Am menyatakan samada beliau sedar bertambah ramainya penagih-penagih dadah di dalam negara ini dan jika ya, apakah langkah-langkah yang telah beliau ambil bagi memulihkan mereka semula.

**Menteri Kebajikan Am (Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani):** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di atas kejadian penyalahgunaan dadah di dalam negara ini, akan tetapi saya tidaklah pula dapat menyatakan samada kejadian ini semakin bertambah oleh kerana sehingga kini masih belum ada lagi kajian (survey) yang dijalankan untuk menentukan kejadian penagihan dadah ini bertambah atau tidak.

Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan tidaklah pula lalai terhadap masalah ini dan telahpun mengadakan beberapa langkah untuk mengambil tindakan terhadap penyalahgunaan dadah. Salah satu daripada langkah-langkah ini ialah di bidang pemulihan penagih-penagih dadah.

Kementerian Kebajikan Am telahpun di beri tanggungjawab di bidang pemulihan penagih-penagih dadah dan selaras dengan tanggungjawab ini Kementerian ini menguruskan rancangan pemulihan di dalam dua peringkat—langkah jangka pendek dan langkah jangka panjang.

Pemulihan di dalam kontek penagih dadah melibatkan dua perkara—(i) penentuan dan pemulihan perubatan; (ii) pemulihan sosial. Penentuan dan pemulihan perubatan sedang diselenggarakan di 24 buah hospital di kawasan-kawasan yang telah ditentukan.

Penagih-penagih dadah tidak akan menjadi pulih serta-merta selepas mendapat rawatan perubatan bahkan di peringkat ini juga akan memerlukan rawatan lanjutan dan konselling yang rapi. Perkara ini diselenggarakan oleh Kementerian saya di Rumah-rumah Kesenangan di Bukit Mertajam, Kuala Kubu Baru dan Tampoi yang mana telahpun diistiharkan untuk tujuan tersebut.

Tidak semuanya orang-orang yang telah dirawat di hospital-hospital perlu dimasukkan ke dalam pusat-pusat pemulihan ini. Kes-kes seumpama itu akan ditempatkan di bawah seliaan Pegawai-pejawai Kebajikan Masyarakat untuk mendapat konselling dan lain-lain pertolongan kebajikan yang diperlukan.

Ini adalah langkah-langkah jangka pendek sahaja bagi mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan pemulihan dengan segera oleh kerana keperluan yang begitu mendesak. Cadangan-cadangan langkah jangka panjang telahpun disediakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

**Tuan Embong bin Yahya:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada pusat pemulihan penagih dadah yang tidak menjalankan tugas dengan betul seperti tujuan yang dikehendaki kerana centre itu dipengaruhi oleh anasir Kristian, ada di antara orang Melayu yang pergi untuk pemulihan dadah di situ disuruh masuk Kristian, disuruh tukar nama kepada nama Kristian. Adakah Menteri berkenaan sedar terhadap pusat ini dan apakah tindakan diambil?

**Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Saya tidak sedar perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sekiranya ada perkara yang seumpama itu bolehlah disampaikan aduan secara rasmi kepada Kementerian saya.

**Tuan Embong bin Yahya:** Soalan tambahan. Ada dua centre, yang pertama Health Service Centre di Gopeng dan di Batu Gajah.

Ada orang di situ memberitahu bahawa di antara penagih dadah orang Melayu yang masuk di situ dipengaruhi dengan anasir Kristian, disuruh tukar nama kepada nama Kristian dan pernah diberi makanan yang haram. Harap Yang Berhormat Menteri siasat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya apa?

**Tuan Embong bin Yahya:** Soalnya minta disiasat.

**Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Saya akan memberi perhatian, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Soalan tambahan. Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah mengambil berat dan telah dipertanggungjawabkan atas masaalah pemulihan penagih dadah ini, tetapi saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar bahawa penagih dadah ini yang terbanyak sekali ialah dalam Wilayah Persekutuan. Kalau sedar, adakah rancangan Kementerian beliau untuk menuahkan sebuah pusat pemulihan di dalam Bandaraya Kuala Lumpur ataupun dalam kawasan Wilayah Persekutuan untuk jangka panjang?

**Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi pusat pemulihan yang kita telah sediakan yang paling hampir dengan Wilayah Persekutuan ialah di Kuala Kubu Bharu yang dan pada masa ini masih banyak lagi kekosongan di pusat pemulihan itu. Saya harap bolehlah kes-kes yang datang dari Wilayah Persekutuan mengambil tempat di situ.

**Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan. Oleh kerana mangsa penagih dadah ini bertambah ramai dan saya percaya Kerajaan akan menanggung perbelanjaan yang besar, adakah Kementerian yang berkenaan bercadang untuk menempatkan mereka di sebuah pulau di mana di samping kerja-kerja pemulihan mereka itu boleh membuat kerja-kerja seperti rancangan Buku Hijau dan sebagainya untuk mengongkosi perbelanjaan pemulihan dan tidak semata-mata ditanggung oleh pihak Kerajaan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itu soalan lain dari yang asal.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Yang di-Pertua, ada sebuah pusat pemulihan dadah yang dijalankan oleh swasta dan mengikut keterangannya bahawa pusat ini telah menjalankan kerja dengan baik, tetapi keadaannya serba kekurangan dan jika Kementerian berkenaan sedar setakat manakah dapat Kementerian menolong dan membantu supaya kerja-kerja yang baik itu dapat diteruskan.

**Puan Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani:** Kementerian saya belum ada diberitahu lagi tentang perkara tersebut.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Sekarang sudah diberitahu oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor.

#### **PENYAKIT "BLACK BERRY" MENYERANG PERUSAHAAN LADA HITAM**

**13. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Pertanian dan Luar Bandar menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk membantu penanam-penanam lada hitam mengawal penyakit "Black Berry" yang menjadi suatu masaalah kepada perusahaan lada hitam di Sarawak.

**Datuk Haji Mustapha bin Haji Abdul Jabar:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang diterima daripada Kementerian Pertanian dan Kemajuan Masyarakat Sarawak, terdapat sejenis racun yang sesuai untuk mengawal penyakit "Black Berry" ini dan racun itu sedang dikeluarkan pada hari ini kepada pekebun-pekebun lada hitam di Sarawak.

#### **MINI BAS**

**14. Tuan Oh Keng Seng** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) bilangan lesen bas mini yang dikeluarkan kepada pemohon-pemohon yang berjaya sehingga September 1975;
- (b) bilangan perjalanan;
- (c) bilangan bas-bas yang masih belum dijalankan dan sebab-sebab kelambatan;

(d) samada Perkhidmatan yang ada sekarang meliputi semua kawasan dari

- (i) SEA Park/Kuala Lumpur;
- (ii) Hospital University/Kuala Lumpur;
- (iii) Jalan Yong Shook Lin/Kuala Lumpur; dan

(e) bilakah perkhidmatan ini akan diperluaskan.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sehingga bulan September, 1975 sebanyak 214 lesen Mini bas telah dikeluarkan kepada 73 pengusaha-pengusaha yang berjaya.
- (b) Setakat ini 12 laluan (routes) telah dijalankan oleh perkhidmatan Mini Bas ini di Kuala Lumpur.
- (c) Daripada jumlah 214 buah bas Mini yang diluluskan sehingga bulan September, 1975 sebanyak 74 buah bas telah menjalankan perkhidmatan. Ini bermakna sebanyak 140 lagi yang belum dijalankan. Ini adalah semata-mata disebabkan bekalan chassis-chassis bas Mini adalah terhad dan tidak dapat dikeluarkan sekaligus.

- (d) (i) Setakat ini perkhidmatan di antara SEA Park/Kuala Lumpur belum diadakan lagi.
- (ii) Lima laluan yang dijalankan sekarang meliputi kawasan dari Universiti Hospital/Kuala Lumpur.
- (iii) Laluan bas No. 28 adalah berjalan di antara Jalan Yong Shook Lin/Kuala Lumpur.

- (e) Seperti yang telah saya maklumkan di Dewan ini pada 20-11-1975 ketika menjawab pertanyaan mulut oleh Ahli Yang Berhormat dari Selayang jumlah lesen bagi Mini Bas yang dicadangkan untuk dikeluarkan pada tahun ini ialah 300 buah. Walau bagaimanapun bilangan Mini Bas yang akan menjalankan perkhidmatan adalah bergantung kepada pengeluaran chassis-chassis bas yang mana adalah agak

terhad pada masa sekarang ini. Dari-pada 214 buah lesen yang telah diluluskan, seperti yang saya katakan tadi pada hujung bulan September, 1975 sebanyak 74 buah bas telah menjalankan perkhidmatan dan jumlah ini dijangka akan bertambah menjadi 100 buah pada akhir tahun ini, dan 150 buah menjelang bulan Mac, 1976.

Sukacita saya memaklumkan bahawa Yunit Perancang Jalan dan Pengangkutan Awam di Kementerian saya sentiasa mengkaji keperluan dan sambutan orang ramai terhadap Mini Bas dan jika perlu bilangan Mini Bas di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya akan ditambah lagi.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan apakah langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk memperbaiki perkhidmatan bas Mini seperti memasang loceng di dalam bas untuk kegunaan orang ramai.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Loceng apa?

**Tuan Lee Lam Thye:** Loceng di dalam bas.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah saya maklumkan kepada Dewan ini tempoh hari kita telahpun memberitahu kepada pembekal-pembekal bas mini supaya mengadakan loceng dalam bas tersebut.

**Dr Chen Man Hin:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bukan sahaja di Wilayah Persekutuan perkhidmatan bas kurang baik, tetapi di kawasan-kawasan luar bandar di negeri-negeri lain pun perkhidmatan bas kurang baik. Adakah Yang Berhormat Menteri berkenaan berminat untuk mengadakan sistem bas mini di lain-lain tempat seperti di estet-estet dan kampung-kampung baru di mana ramai pekerja-pekerja yang hendak menaiki bas sangat lama menunggu. Adakah sistem ini boleh diadakan di tempat lain?

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya telahpun

mengeluarkan satu arahan kepada semua Pegawai-pegawai R.I.M.V. di tiap-tiap negeri supaya mengadakan penyiasatan untuk menentukan samada perlu kita mengadakan perkhidmatan bas mini ini di tempat ataupun di estet yang mereka berkhidmat atau tidak. Kalau difikirkan perlu, kita akan mengadakan perkhidmatan bas mini ini.

#### **NELAYAN DI PERAIRAN MALAYSIA—GANGGUAN**

**15. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada :

- terdapat apa-apa gangguan daripada pihak kapal-kapal atau bot-bot negara asing terhadap nelayan-nelayan kita di perairan Malaysia. Jika ada, dari negara mana; dan
- apakah Kerajaan bercadang memperhebatkan lagi rondaan kawasan-kawasan pantai untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan kita.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris):** Tuan Yang di-Pertua:

- Tiada pengaduan rasmi diterima mengenai gangguan oleh pihak kapal-kapal atau negara asing terhadap nelayan kita dalam kawasan 12 batu di perairan Malaysia. Apa yang harus didengar oleh Ahli Yang Berhormat di mana nelayan-nelayan kita diganggu oleh kapal-kapal atau bot-bot negara asing sesungguhnya berlaku di perairan antarabangsa. Dalam hal seperti ini pihak Polis Merin tidak berkuasa bertindak di luar kawasan perairan Malaysia.
- Selain daripada Pasukan Merin Polis yang menjalankan tugas untuk menjaga keselamatan nelayan-nelayan kita di dalam lingkungan perairan Malaysia sudah juga diwujudkan kerjasama dengan negara-negara jiran bagi mengawal kawasan-kawasan perairan antara Malaysia dengan Thailand dan Indonesia dengan Malaysia melalui Jawatankuasa Am Sempadan dengan mengadakan Corps United Patrol Zone dan juga Combined Motor Patrol. Pasukan RELA yang ditubuhkan di tempat atau di kampung tepi-tepi

pantai adalah juga diarahkan, antara lain, mengawasi dan menjaga kawasan pantai di tempatnya.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan rancangan-rancangan untuk menentukan sempadan-sempadan di antara perairan negara kita dengan negara-negara yang lain supaya negara-negara lain itu dapat mengetahui yang mereka telah terlepas daripada sempadan kita.

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Peguam Negara kita perairan negara Malaysia adalah 12 batu tetapi hendak meletakkan batu sempadannya seumpama kita meletakkan batu sempadan atas tanah agak sukar sedikit. Bagaimanapun, rundingan-rundingan sepanjang yang saya dimaklumkan sedang berjalan di antara negara kita dengan Thailand dan Indonesia.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan bahawa gangguan-gangguan ini sebenarnya bukan di perairan kita. Saya ingin tahu adakah peristiwa tangkapan di Pulau Kapas baru-baru ini juga berlaku di luar daripada perairan kita?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini hanya dua buah bot nelayan Thai sahaja yang telah ditangkap di dalam kawasan 10 batu di kawasan pantai Negeri Kelantan pada 8-4-1975. Seramai 22 orang nelayan Thai telah dihukum dalam mahkamah dan ketuanya telah didenda sebanyak \$150 dan yang lain itu \$100, manakala yang lain-lain itu tidak ada maklumat lagi.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut kata Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan tadi orang-orang yang ditangkap itu adalah dihukum. Apa yang saya ingin tahu ialah mengenai alat kelengkapannya seperti motobot ataupun pukatnya, bagaimanakah tindakan-tindakan yang telah diambil setakat ini?

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Saya kurang faham soalan ini. Minta ulangkan sekali lagi!

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Apakah yang kena ambil, cuba soal semula—bahagian yang akhir itu.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Soalan tambahan saya begini. Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan mengatakan orang-orang yang ditangkap itu telahpun diambil tindakan dan dihukum. Apa yang saya ingin tahu ialah mengenai alat kelengkapannya termasuk motobot ataupun pukatnya, apakah tindakan yang telah diambil setakat ini samada dirampas ataupun dihantar balik.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, adalah dihukum manakala perkakas-perkakas dan kapal itu dirampas. Sungguhpun demikian orang yang telah dihukumkan itu boleh merayu kepada Menteri yang berkenaan untuk memulangkan balik misalnya kapal itu besar dan lain-lain.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Macam mana Ahli Yang Berhormat tahu yang saya hendak memberi peluang kepada Yang Berhormat dari Ulu Nerus? (*Ketawa*). Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kuala Krai.

**Tuan Mohd. Zahari bin Awang:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa rundingan-rundingan selalu diadakan antara Jawatankuasa Am Sempadan di antara Thailand dan Indonesia. Apakah rundingan-rundingan ini membangkitkan persoalan konsep kepulauan bagi menentukan kawasan-kawasan perairan antara Indonesia dengan Malaysia kerana perkara ini adalah dibangkitkan dalam Per sidangan Undang-undang Antarabangsa di Caracas dan di Geneva. Adakah perkara ini setahu Yang Berhormat Menteri telah dibincangkan bersama untuk menyelesaikan masalah antara negara kita dengan Indonesia.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut perjanjian kita dengan Indonesia iaitu 12 batu masa ini ialah wilayah perairan kita, tetapi sebelah selatan Selat Melaka itu yang mana luasnya kurang daripada 24 batu daripada line yang tengah

di Selat itu dikira bersambung hujung pulau masing-masing. Itu ada dalam perjanjian kita dan dalam peta yang telah dibuatkan.

Selain daripada antara dua pihak itu—laut itu antarabangsalah.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, satu daripada masalah yang besar yang telah dihadapi oleh nelayan-nelayan ialah mereka tidak mengetahui bilakah mereka itu dalam perairan Malaysia dan bilakah mereka telah masuk ke perairan Indonesia, umpamanya di Tanjung Sepat, boleh dikatakan tiap-tiap minggu nelayan-nelayan telah ditangkap kerana mereka tidak mengetahui bahawa mereka telah memasuki perairan Indonesia. Jadi, saya suka membangkitkan soalan adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan bercadang hendak meletakkan tanda-tanda di tempat-tempat yang strategic, umpamanya meletakkan "buoy" ataupun dipanggilkan "buoy" itu dengan lampu supaya ini dapat menolong sedikit sebanyak nelayan-nelayan itu menangkap ikan di dalam perairan negara kita.

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu sememang betul dan saya telah memikirkan apa jalannya. Satu daripada nasihat yang telah diberi ialah setiap orang kita yang hendak menangkap ikan hendaklah diberi peta masing-masing dan tahu sempadan. Tetapi cadangan hendak menubuh "buoy" atau lampu di laut samada boleh atau tidak itu tidak tahuhan tetapi cadangan itu bolehlah dibawa dan ditimbangkan. Tetapi kadang-kadang dalam sempadan kita pun mereka tangkap, mereka kata dalam sempadannya, ini yang banyak berlaku. Orang kita pun kadang-kadang ada terkena, tetapi cadangan itu boleh ditimbangkan samada practical atau tidak adakan "buoy" di malam-malam letak di sana.

**Tuan Lukman Abdul Kadir:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan ada mengatakan bahawa motorbot-motorbot yang besar itu boleh dirayu dan diserahkan kembali. Apa yang saya ingin tahu yang pertama setakat ini berapa banyakkah di antara bot-bot yang besar itu telah diberi dengan rayuan itu dipulang balik dan berapa banyakkah yang telah dirampas?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, adakah di antara banyak bot-bot yang dirampas itu

telah diambil kembali oleh tuanpunya dengan cara curi. Adakah berlaku perkara seperti itu?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang pertama tadi tentu Yang Berhormat Menteri berkehendakkan notis, bagaimana dengan serta-merta hendak jawab. Yang keduanya, kalau Yang Berhormat sudah tahu cakap sahajalah terus, buat apa sindir-sindir lagi. Adakah hendak bertanya juga?

**Tuan Lukman Abdul Kadir:** Saya bertanya itu hendak tahu, bukan sindir, (*Ketawa*) Tuan Yang di-Pertua, hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, di antara motorbot-motorbot yang ditangkap itu adakah berlaku peristiwa tuanpunya ataupun siapa-siapa sahaja didapati hilang daripada jagaan pejabat yang berkenaan. Bukan sindir, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri tahu bot itu kena curi?

**Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof:** Tidak pernah dengar (*Ketawa*).

#### LAPANGANTERBANG PENG-KALAN CHEPA

**16. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Perhubungan memandang kepada kesesakan akibat sambutan orang ramai dan para pelancung yang sungguh pesat di Lapanganterbang Pengkalan Chepa, Kota Bharu, menyatakan.

- (a) bilakah Kerajaan bercadang akan membesarluan bangunan lapanganterbang yang serba kekurangan itu; dan
- (b) bilakah pula rancangan penerbangan malam antara Kuala Lumpur-Kota Bharu, dan antara Penang-Kota Bharu akan dimulakan.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerja-kerja tambahan kepada bangunan terminal sekaran ini sedang dijalankan. Kawasan tempat letak dan pelan tapak bagi bangunan baru Lapanganterbang Kota Bharu, Pengkalan Chepa telahpun disiapkan. Satu rekabentuk yang lengkap untuk bangunan terminal juga sedang disediakan. Lampu-lampu

untuk landasan sedang dipasang sekarang dan ia dijangka dapat disiapkan untuk kegunaannya dalam awal tahun 1976. Oleh kerana ada terdapat pokok-pokok kelapa yang sepatutnya dipotong telah menghalang penerbangan di waktu malam dan jika sekiranya pokok-pokok ini dapat ditebang dan dengan adanya lampu-lampu landasan maka penerbangan jadual waktu malam di antara Kuala Lumpur-Kota Bharu bolehlah dimulakan. Begitu juga sekiranya hendak diadakan penerbangan di waktu malam di antara Pulau Pinang ke Kota Bharu maka ianya akan bergantung kepada banyaknya bilangan penumpang-penumpang.

(b) Penerbangan malam antara Kuala Lumpur ke Kota Bharu dan Pulau Pinang ke Kota Bharu dijadualkan bermula awal tahun 1976, apabila kemudahan pendaratan malam dan lain-lain kemudahan pengendalian telah dilengkappkan. MAS bercadang menggunakan kapalterbang jenis B 737 untuk penerbangan-penerbangan malam Kuala Lumpur-Kota Bharu.

**Tuan Mohd. Idris Haji Ibrahim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan bolehkah atau tidak Kementeriannya menggunakan jasa baik iaitu apabila mendengar jalanraya putus di musim hujan dan banjir ini pihak MAS mengadakan penerbangan khas antara Kuala Lumpur ke Kota Bharu bila-bila masa sahaja berlaku jalan terputus kerana banjir yang tidak boleh menghubungi Kuala Lumpur dengan pihak Pantai Timur?

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan itu lain sedikit tetapi ada juga hubungannya.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Sebagaimana yang telah diterangkan tadi iaitu untuk menjaga nyawa dan keselamatan dan katakanlah penerbangan itu dikehendaki pada waktu malam . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ini terbang siang tetapi banjir.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Waktu siang rasa saya sememang Kementerian saya sentiasa kalau ketika banjir dan sebagainya

penerbangan itu ditambah satu masa ke satunya untuk memudahkan kepada pelanggan-pelanggan untuk pergi dan balik dari Kuala Lumpur ke Kota Bharu.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberi jaminan bahawa dalam membaiki lapanganterbang baru ini ada terdapat madrasah supaya orang ramai kita boleh sembahyang kerana terdapat satu kesulitan besar pada masa ini kerana madrasah tidak ada.

**Tuan Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, di lapanganterbang itu ada tempat-tempat yang mana kemudahan bagi umat-umat Islam untuk sembahyang, bilik-bilik khas atau bilik tetamu. Jadi, ada kemudahan-kemudahan di terminal di Kota Bharu dan boleh digunakan sebagaimana dikehendaki oleh Yang Berhormat itu.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Tempat menunggu lapanganterbang di Pengkalan Chepa masa ini tidak ada tempat sembahyang. Oleh yang demikian, bolehkah pihak yang berkenaan memberi jaminan bahawa satu bangunan khusus untuk madrasah itu dibuatkan dalam masa perubahan baru ini.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menceritakan soal yang akan datang bagi menjawab soal ini, cadangan hendak membesarbangun ini yang akan datang ada.

## CABUTAN TOTO MELALUI TV

17. **Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa siaran cabutan Toto melalui talivisyen mempunyai akibat yang merosakkan moral kepada rakyat kita, khasnya kepada kanak-kanak. Jika ya, adakah beliau akan menghentikan siaran talivisyen itu.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini tidak berpendapat bahawa Siaran Cabutan Toto ada akibat buruk kepada orang ramai.

## JAMBATAN KUALA SELANGOR

**18. Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah pendapat dan persediaan beliau untuk menjayakan pembinaan jambatan Kuala Selangor yang terbengkalai sekarang ini dan juga jambatan Sabak Bernam bagi menggantikan perkhidmatan feri di situ yang amat menyusahkan orang ramai termasuk kanak-kanak sekolah, iaitu sesudah beliau melawat kedua-dua tempat baru-baru ini;
- (b) pada tahun bilakah agaknya kedua-dua jambatan itu dijangka siap.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Berkenaan dengan jambatan Kuala Selangor, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam Dewan ini pada 13-11-75 ketika menjawab pertanyaan mulut Yang Berhormat dari Kuala Selangor, kontrek pembinaan jambatan tersebut terpaksa diberhentikan oleh kerana pemborong yang berkenaan gagal untuk meneruskan kerja-kerjanya dan pada masa sekarang tindakan sedang diambil untuk memanggil semula tawaran yang mana dijangka akan dapat dibuat secepat-cepatnya diakhir tahun ini ataupun selewat-lewatnya awal tahun depan. Kerajaan sedar masaalah yang dihadapi oleh rakyat tempatan terutamanya kanak-kanak sekolah yang terpaksa menggunakan feri untuk menyeberang sungai itu, tetapi masaalah yang timbul dalam projek jambatan tersebut adalah tidak dapat dielakkan sungguhpun Kerajaan telah berusaha sedaya upaya untuk menyiapkan jambatan tersebut mengikut tempuh yang dijadualkan. Saya harap penduduk-penduduk tempatan dapat bersabar sementara langkah-langkah sewajarnya sedang diambil oleh Kerajaan untuk meneruskan semula pembinaan jambatan yang penting itu. Dukacita juga saya tidak dapat memberitahu bilakah tarikh jambatan ini akan siap sehingga tawaran dipanggil semula nanti.

- (b) Berkenaan dengan jambatan di Sabak Bernam pula pada masa sekarang sebuah firma perunding telahpun dilantik untuk menjalankan penyelidikan dan rekabentuk untuk jambatan tersebut. Lapuran awal dari jurutera perunding baru sahaja diterima dan dijangka bahawa jurutera perunding akan mula membuat rekabentuk pada bulan Disember ini. Kerja-kerja merekabentuk akan memakan masa lebih kurang 6 bulan. Tawaran dijangka akan dijemput pada pertengahan kedua tahun 1967 dan kerja-kerja binaan akan bermula pada awal tahun 1977 dan akan memakan masa lebih kurang 2 tahun.

**Tuan Haji Jamil bin Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa feri di Kuala Selangor itu botnya adalah keadaan selalunya rusak dan kerapkali feri itu hanyut dan ini membimbangkan penumpang-penumpang, terutamanya kanak-kanak sekolah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberikan jaminan kepada orang-orang Kuala Selangor bagi menggantikan sementara jadinya jambatan yang baru itu, bot-bot yang baharu yang boleh dapat confident orang supaya tidak kebimbangan penumpang feri.

**Datuk Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, feri yang sedang digunakan di situ adalah sentiasa dibaiki dari satu masa ke satu masa dan segala tindakan adalah sentiasa diambil supaya feri itu dapat digunakan dengan selamat. Selain daripada itu, sebagaimana yang saya baharu terangkan tadi tindakan adalah sedang diambil untuk membina jambatan Kuala Selangor itu dengan seberapa lekas yang boleh.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 7 dan 19 hingga 22 adalah diberi di bawah ini).*

## TV—TAYANGAN GAMBAR PENDIDIKAN

**7. Tuan Lim Cho Hock** minta Menteri Penerrangan menyatakan memandang atas kemiskinan dan kekurangan fasiliti-fasiliti pelajaran dan hiburan di kawasan perkampungan

adakah Kerajaan akan menimbang mengadakan tayangan gambar pendidikan dan hiburan di kawasan perkampungan supaya meninggikan taraf hidup orang-orang itu.

**Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Amar Haji Abdul Taib Mahmud):** Pertunjukan Wayang Gambar Pendidikan di kawasan perkampungan memang diadakan sejak tertubuhnya Jabatan Penerangan. Tayangan Gambar Pendidikan dan Hiburan bukan saja diadakan di perkampungan bahkan juga di ladang-ladang dan di semua tempat-tempat yang dilawati oleh Yunit-yunit Bergerak Jabatan Penerangan.

Selain daripada lawatan Yunit-yunit Bergerak, gambar-gambar pendidikan dan hiburan juga disiarkan melalui rancangan-rancangan TV Malaysia dari satu masa ke satu masa. Kemudahan tayangan gambar melalui TV Malaysia bergantung kepada adanya peti TV di perkampungan-perkampungan tersebut. Di mana tidak ada kemudahan peti TV lawatan Yunit-yunit Bergerak ke perkampungan-perkampungan diadakan seberapa kerap yang boleh.

## PERUSAHAAN TEMBAKAU

**19. Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan samada benar perusahaan tembakau di Pantai Timur Semenanjung Malaysia bertambah merosot semenjak Kerajaan campurtangan secara serious dan kawalan yang ketat oleh Lembaga Tembakau Negara, jika dibandingkan dengan perkembangannya yang bebas lima tahun dahulu.

**Menteri Perusahaan Utama (Datuk Musa Hitam):** Adalah tidak benar perusahaan tembakau di Pantai Timur Semenanjung Malaysia bertambah merosot semenjak campurtangan Kerajaan dan kawalan ketat oleh Lembaga Tembakau Negara jika dibandingkan dengan perkembangannya pada 5 tahun dahulu. Sebaliknya perusahaan tembakau telah berkembang menjadi begitu popular sehingga ada kemungkinan besar popularitinya begitu merebak hinggakan pengeluaran akan melebihi permintaan dan dengan itu merosotkan harga bahan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran tembakau

pada tahun 1975 ialah kira-kira 19.5 juta paun jika dibandingkan dengan pengeluaran pada tahun 1970 iaitu sebanyak 4.2 juta paun sahaja.

Lembaga Tembakau Negara telah ditubuhkan pada akhir tahun 1973 dengan tujuan mengawal perusahaan tembakau supaya lebih teratur dan stabil. Tujuan membuat kawalan yang ketat ialah supaya pengawit-pengawit dan penanam-penanam tidak mengeluarkan tembakau berlebihan daripada apa yang dikehendaki oleh pengilang-pengilang rokok.

Saya suka mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan bahawa bagi tahun hadapan permintaan bagi tembakau adalah berkurangan dari tahun ini. Satu dari sebab-sebabnya ialah kerana permintaan bagi rokok pada tahun ini adalah berkurangan dan ini menambahkan stok tembakau yang disimpan oleh pengilang-pengilang rokok. Oleh itu kawalan yang ketat akan diambil untuk menentukan pengeluaran tidak melebihi permintaan bagi tembakau pada tahun hadapan. Adalah juga diharapkan bahawa penanam-penanam dan sesiapa juga yang ingin menanam tembakau berhati-hati sebelum mengembangkan perusahaan ini dan meminta nasihat-nasihat Lembaga Tembakau Negara terlebih dahulu.

## SENJATAPI HARAM—BILANGAN DIRAMPAS

**20. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Panglima Abdullah** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri:

(a) samada Kerajaan sedar bahawa ada banyak pemilik-pemilik senjatapi haram di negara kita, jika ya, berapa senjatapi haram telah dirampas dalam tahun 1974 dan 1975 (sehingga hari ini); dan

(b) samada Kerajaan berpendapat perkara ini serius dan jika ya, samada Kerajaan akan membawa kes senjatapi dengan lebih segera ke mahkamah supaya hukuman yang berat dapat dijatuhkan dan rakyat tidak bimbang atas keselamatan dalam negeri ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Soalan-soalan yang seakan-akan ini sudah dijawab dalam sidang Dewan ini pada 10hb dan 12hb November, 1975.

## KAMPUNG BARU—BANTUAN KEWANGAN

**21. Tuan Ngan Siong Hing** minta Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar menyatakan samada Kerajaan akan memberikan lebih banyak wang kepada Majlis-majlis Tempatan untuk membolehkan Majlis-majlis ini mengambil lebih ramai pekerja-pekerja yang diperlukan untuk menjaga dan membersihkan kampung-kampung baru.

**Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Kerajaan tidak pernah memberi bantuan wang kepada Majlis-majlis Tempatan untuk membayar gaji pekerja-pekerjanya. Dengan sebab itu Kerajaan tidak akan memberi lebih banyak wang kepada majlis-majlis itu untuk mengambil lebih ramai pekerja-pekerjanya. Sekiranya majlis-majlis itu hendak mengambil lebih ramai pekerja-pekerja terpulanglah kepada kebolehan dan kemampuan kewangan majlis-majlis itu.

## SIARAN TV MALAYSIA DI SARAWAK

**22. Tuan Thomas Salang Siden** minta Menteri Penerangan menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengadakan rancangan-rancangan TV dalam bahasa-bahasa lain di Sarawak oleh kerana rancangan-rancangan yang ada sekarang adalah hanya di dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris sahaja.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum siaran TV Malaysia di Sarawak mengandungi dua bentuk siaran iaitu Siaran Nasional yang dipancarkan dari Kuala Lumpur dan Siaran Ketiga yang dipancarkan dari Kota Kinabalu.

Kandungan Siaran Nasional ini sudah tentulah membayangkan corak nasional dan menggunakan Bahasa Malaysia iaitu mengikut dasar kita yang telah menerima Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi Negara ini.

Sambil itu pula Sarawak dan Sabah melalui Siaran Ketiga yang dipancarkan dari Kota Kinabalu menerima sama banyak masa siaran TV bagi mengisi kepentingan regional.

Bentuk program melalui Siaran Ketiga yang ada pada masa ini adalah hasil perundungan bersama di antara Kementerian

Penerangan dengan pihak Sarawak dan Sabah dan oleh sebab itu telah diterima sebagai menggambarkan kepentingan regional.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1976

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN SEMENTARA, 1976

#### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1976 dan Anggaran Pembangunan Sementara, 1976 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis. (25hb November, 1975).

*Majlis Mesyuarat menjadi Jawatankuasa.*

*(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mempergerusikan Jawatankuasa)*

**Tuan Pengerusi:** Pada masa Majlis ini ditangguhkan pada hari semalam, Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor sedang bercakap, dan sebelum saya jemput Yang Berhormat itu meneruskan ucapannya, saya suka mengingatkan lagi bahawa Majlis ini sekarang di dalam Jawatankuasa, jadi tiap-tiap perbahasan tolong tumpukan dan di bataskan hanya kepada detail berkenaan dengan butir-butir perbelanjaan dan tiap-tiap kali Yang Berhormat sekelian mengeluarkan ucapan, tolong sebutkan di bawah Bekalan Kepala berapa dan Pecahan-kepalanya supaya dapat ditumpukan perbahasan itu. Sila Yang Berhormat dari Kuala Selangor menyambung ucapannya.

*Kepala B. 13, B. 14 dan B. 15 (Jadual)—*

*3.35 ptg.*

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Pengerusi, sebagaimana saya sebutkan semalam, saya tumpukan perbahasan atau ucapan saya kepada Kepala B. 13, B. 14 dan B. 15. Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa tujuan umum Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi ialah untuk mengkaji cara-cara yang boleh digunakan oleh Kerajaan

bagi pembangunan ekonomi negara dengan apa yang ada pada kita, iaitu mahupun tenaga manusia ataupun bahan-bahan mentah atau human and natural resources. Dengan itu, Kementerian tersebut, Tuan Pengerusi, dan pakar-pakarnya hendaklah menitekberatkan pandangan-pandangan yang disampaikan oleh peserta-peserta seminar ekonomi atau rumusan kongres ekonomi dan menggunakan sebagai bahan-bahan apabila mereka membuat penyelidikan-penyeleidikan. Saya juga berpendapat bahawa mustahak bagi Kementerian yang berkenaan mengambil berat teguran-teguran yang disampaikan oleh Wakil-wakil Rakyat, bukan sahaja dalam mesyuarat Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri, tetapi di dalam temasya dialog di peringkat daerah dan juga di peringkat negeri.

Tuan Pengerusi, penyelidikan-penyeleidikan atas satu-satu tajuk yang ada kaitan dengan pembangunan negara hendaklah dibuat supaya Kerajaan mengetahui teknik-teknik baharu di dalam membuat sesuatu perkara yang akan dapat menyelamatkan perbelanjaan negara. Revolusi teknik dan ekonomi bukan sahaja dapat menjimat dan mengurangkan belanja tetapi akan dapat menukar cara hidup rakyat. Alat-alat baharu dari kajian yang dapat dibuat oleh Kementerian yang berkenaan akan dapat juga menukar cara bekerja. Tiap-tiap perubahan atau revolusi memang untuk kebaikan dan dengan ini pendapat rakyat akan meningkat. Saya suka membawa kepada pandangan Kementerian yang berkenaan satu contoh iaitu sebuah jabatan di negeri Jepun yang fungsi-fungsinya serupa dengan Kementerian Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi. Jabatan yang saya maksudkan di negeri Jepun itu telah dapat membuat satu kajian yang kemudiannya digunakan oleh pihak swasta dan telah berjaya menyelamatkan berjuta ringgit wang negara Jepun dengan cara-cara proses recycling iaitu barang-barang yang telah dibuang di dalam tong sampah dapat diproses balik dengan kajian yang dibuat oleh jabatan tersebut dan dapat digunakan semula sebagai kertas dan pakaian. Jabatan ini juga buat research menggunakan tayar-tayar buruk yang telah dibuang untuk digunakan sebagai tayar baharu dan juga digunakan untuk kasut dan sebagainya. Ini contoh-contoh yang boleh backroom boys daripada jabatan tersebut mengkajinya untuk menyelamatkan wang

negara. Apa yang hendak saya tekankan di sini ialah wang yang berjumlah \$13,527,900 untuk Kementerian yang berkenaan di bawah Kepala B. 13, B. 14 dan B. 15 hendaklah digunakan untuk kajian-kajian yang lebih bermakna dan berkesan untuk pembangunan ekonomi negara kita. Pengkajian pembangunan ekonomi pada pendapat saya hendaklah di antara lain-lain mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:

- (1) Mengkaji meninjau keadaan ekonomi sekarang. Membuat cadangan-cadangan dan peruntukan public expenditures. Membahas, membincangkan dan menggalakkan pihak swasta mengambil peranan di dalam pembangunan negara. Membuat ekonomik-ekonomik projek yang akan membawa kebaikan kepada negara kita. Mengkaji dasar-dasar Kerajaan dari satu masa ke satu masa dan merekomendkan pengubahan-pengubahan jika diperlukan supaya sesuai dengan keadaan negara kita sekarang. Kementerian Perancang Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi dengan National Development Planning Committee and Economic Planning Unit yang mempunyai fungsi-fungsi yang tertentu hendaklah bekerjasama lebih rapat supaya dapat kerja-kerja mengatur . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat perkara itu merupakan ucapan dasar, masa membincangkan dasar am dahulu itu yang tepatnya. Sekarang ini kita dalam Jawatankuasa. Tolong tumpukan kepada Kepala Perbekalan dan Pecahan kepala mana dan terus bahaskan tentang perbelanjaan wang itu.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Tuan Pengerusi, pada pandangan saya ini bukanlah dasar. Ini detail juga.

**Tuan Pengerusi:** Itu saya tidak bersetuju. Kata saya adalah pemutus.

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Kalau begitu, saya sentuh pula perkara lain. Kementerian ini satu daripada detail yang telah diterangkan di bawah tajuk: Untuk mengiratkan perhubungan di antara Kerajaan dengan orang ramai. Di sini saya suka membawa perhatian Menteri yang berkenaan bahawa kerapkali kita dengar sungutan-sungutan

daripada luar-luar bandar terutamanya berkenaan pembangunan yang pesat dan yang segera dijalankan hanya di mana-mana kawasan yang wakil rakyatnya dari golongan Menteri, Timbalan Menteri, Menteri Besar dan sebagainya. Jadi, jika wakil rakyatnya dari Ahli Parlimen biasa maka tidak begitu rancak pembangunan luar bandar. Eloklah Kementerian yang berkenaan membuat satu kajian samada rungutan ini benar atau tidak, kerana kalau dibiarkan sahaja rakyat bersungut tanpa dibuktikan di mana letaknya kebenaran itu, maka tidak dapat dieratkan perhubungan di antara rakyat dengan Kerajaan.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh berkenaan dengan Biro Pengaduan Awam. Biro Pengaduan Awam ini kalau tidak salah saya, mengikut keterangan yang ada di dalam Anggaran Belanjawan, 1976 ialah untuk mengambil berat, jika ada pengaduan-pengaduan yang disampaikan oleh rakyat dan ada banyak dikalangan luar bandar mereka yang tahu akan kerumitan-kerumitan di luar bandar yang pernah menyampaikan cadangan-cadangan kepada pihak Kementerian, tetapi kerapkali tidak diambil endah oleh Biro yang saya sebutkan tadi. Saya berpendapat bahawa sungguhpun orang-orang yang duduk di luar bandar itu bukanlah daripada golongan pakar-pakar, tetapi ada kalanya pendapat-pendapat yang disampaikan oleh mereka berguna kerana mereka tahu apakah kerumitan mereka sendiri. Jadi, saya minta kepada Kementerian yang berkenaan jika ada perkara itu disampaikan, hendaklah tindakan sewajarnya diambil.

**Tuan Pengerusi:** Saya akan benarkan seorang sahaja Ahli Yang Berhormat, lepas itu saya akan minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

3.43 ptg.

**Tuan Jawan anak Empaling (Rajang):** Tuan Pengerusi, saya sukacita mengambil bahagian menyokong atas Anggaran Belanja Mengurus dan Pembangunan 1976 untuk Kementerian Perancangan Am dan Sosio-Ekonomi. Saya minta izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, in connection with my support on the Anggaran Belanja Mengurus as stated under Head B. 13, B. 14 dan B. 15, I wish to comment

briefly, particularly on Kepala B. 14, Pecahan-kepala 100, items 2 (b), 3 (b) and 6 (b). I am not very certain whether this Ministry has extended its helping hand or has made any difference between the years 1974 and 1975 or will make the year of 1976 a different one from that of 1975 in raising up the standard of living and in bringing greater happiness to a greater number of people who live in slums, ghettos and the rural society of the Malays, Indians and the Dayaks.

It seems to me and to a large majority in Sarawak, particularly the Dayaks, that the year 1976 is loaded with bad, sad and terrible news instead of good ones. The bad news is that of increasing duties, duties and duties instead of advertisement news for jobs in factories. The sad news is the Government's intention of acquisition of land by paying compensation at the lowest prevailing market price instead of enjoying equal opportunities and privileges as the urban people who enjoy pretty handsome prices for their land. There are instances where the Government has paid compensation at the lowest prevailing market price at the rate of \$8 to \$80 per acre in my constituency. The terrible news is that the Government's intentions and plans have not reached the ulu people. There are also instances where the Government's development projects have never reached the ulu since Merdeka within Malaysia. So, the main questions that centred around the Iban long-houses are questions such as "What is the First Malaysia Plan? What is the Second Malaysia Plan? And what will be the Third Malaysia Plan?" and so on.

The Government keeps on talking about Bumiputras and so the questions that are being asked are: Who are the Bumiputras? Are we "Bumi" or not "Bumi"? Are we treated equally in the fields of politics and socio-economics? Tuan Pengerusi, I do not know the answers myself and neither do I believe or disbelieve what is being talked about in the longhouses. But I do know particularly in Sarawak that the "sweetness" of the First and the Second Malaysia Plans has not been tasted by a great majority, particularly the Dayaks. Therefore, Tuan Pengerusi, I wish to appeal and hope that the working papers of this Ministry be put into reality with the objective of raising up the standard of living and bring a great happiness to our folks in the ghettos, slums and the rural society in Sarawak. Thank you.

3.54 ptg.

**Menteri Penerangan dan Tugas-tugas Khas dan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ribuan terima kasih atas teguran-teguran dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, terutama sekali Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor yang cuba hendak menjelaskan sedikit bagaimana peranan Kementerian saya dapat dibawa lebih rapat sedikit dengan pandangan-pandangan rakyat. Sebenarnya, memanglah menjadi tujuan Kerajaan amnya dan Kementerian ini untuk merapatkan perhubungan di antara Kerajaan dan rakyat dalam perlaksanaan perancangan kita, kerana soal pembangunan bukanlah hanya soal wang atau soal ekonomi, tetapi soal sosial ekonomi yang berkehendak kepada penglibatan rakyat dan penyesuaian, satu sambutan dan sikap daripada rakyat untuk menjayakan apa-apa langkah yang terkandung dalam rancangan pembangunan kita.

Tuan Pengerusi, oleh sebab teguran dan cadangan telahpun dikemukakan dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, maka terpaksa saya campur bahasa Inggeris sedikit dalam jawapan saya, Tuan Pengerusi.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telahpun melafaskan perasaan duka-cita beliau kerana melihat wang yang diperuntukkan kepada Kementerian saya di bawah Kepala B. 13 tidaklah mencukupi dan tidak ada menunjukkan penambahan yang baik. Sebenarnya, kalau dilihat sahaja Kepala B. 13 memanglah jumlah wang ini sangat kecil kalau dibanding dengan kebanyakan Kementerian-kementerian lain. Tetapi satu-satu Kementerian mempunyai satu set up yang berlainan mengikut rupa approach yang telah diterima oleh Menterinya dan oleh dasar Kementeriannya. Ada Kementerian yang mempunyai integrated organisation, misalnya, Kementerian Tanah dan Galian, dan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar yang mempunyai block vote yang satu sahaja, tetapi mengandungi banyak wang. Ada Kementerian, misalnya, Kementerian Perhubungan dan Kementerian saya sendiri yang mempunyai Kementerian berasingan daripada organisasi-organisasi lain yang di bawah jagaan Kementerian. Jadi kalau difahamkan bahawa Kementerian

menekankan soal koodinasi, organisasi-organisasi di bawahnya dan ingin hendak mempunyai satu detached attitude terhadap supervision badan-badan di bawah Kementerian, maka memanglah vote di bawah Kementerian itu hanya menggambarkan vote yang dikehendaki bagi membayar gaji dan perbelanjaan pengurusan bagi Kementerian, badan-badan, Pegawai-pejawai di dalam corps Kementerian itu. Oleh sebab itulah, maka Kepala B. 13 tidak menggambarkan vote yang begitu banyak. Walau bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat memandang kepada vote 14 dan 15 maka beliau tahu bahawa ada duit lain lagi yang diuntukkan supaya Kementerian ini dapat menjalankan tugasnya.

Alasan kedua yang menyebabkan Kementerian ini tidak membesar-besarkan votenya ialah kita percaya kita berpandukan kepada satu falsafah sebagai central agency yang cuba hendak mengelakkan duplikasi tugas-tugas yang telah dijalankan oleh Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain sambil kita ingin hendak memberi satu approach baru yang lebih sesuai dengan kehendak rakyat, keadaan zaman dan masaalah-masaalah pembangunan atau dengan lain perkataan ingin hendak menginject socio-economic approach to the functions of government in relation to development. Kita memanglah berharap bahawa daripada satu tahun ke satu tahun memang ada penambahan pegawai dan perbelanjaan, tetapi pada pendapat kami bagi tahun 1976 kita mestilah berjimat-cermat sedikit dengan keadaan revenue kita dan mungkin juga di masa yang lebih baik kita tidak akan menjalankan self-restraint dan minta perkembangan staff dan perbelanjaan yang sepatutnya untuk kita.

(Dengan izin) Tuan Pengerusi, the Honourable Member for Kuala Lumpur Bandar also advocated that in view of the importance of the Ministry, the staff should be considerably increased and suggested that the Ministry has not been able to carry out its work effectively because of the shortage of staff. Dalam jawapan saya, saya rasa size does not necessarily tell the effectiveness. Kadang-kadang cili padi lebih pedas dari pada cili besar.

**Tuan Pengerusi:** Ini bercakap saiz Kementerian, bukan saiz barang lain.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** So what we tried to do was trying to work effectively through other organisations and Ministries because if we were to undertake all the functions like planning for housing, planning for environment, which we did in the initial stage, trying to strengthen the rubber market or trying to re-organise the Railways on our own without using the existing machineries, we will be in deep trouble because no amount of staff, unless you want to be very excessive in your expenditure, will be adequate to deal with the problems.

The approach taken by the Ministry was to co-operate with other Government organisations through consultations. Committees—mostly Ministry and Departmental Committees—through advice, seminars and through taking up of complaints from the public and see what actions can be taken with other Government organs in order to correct if there are any anomalies or insufficiencies that we may make in our daily administration. But the main functions of the Ministry should always be in trying to see whether in the context of our Development Plan, after viewing the approach of the various Ministries and Departments, there is sufficient attention given to socio-economic considerations. This can be done in the many ways I have mentioned just now and we have found that it is quite adequate in achieving our aim. For example, the subject of housing is definitely under one Ministry, but we have undertaken a census on housing and have gathered data which can be a basis for planning on housing. We have, in fact, presented projections on housing needs up to 1980 which can be used by the relevant Ministry. We have introduced the concept of accessibility of benefits in order to ensure that when Government plans for facilities for the people, it must be of a certain nature, that the group that is meant to benefit from it will be able to reach for it rather than the benefits being put in a remote fashion and dangling in the air without the public, particularly the less advantaged section of the public, being able to reach for it.

The Honourable Member for Kuala Lumpur Bandar also asked what reports and services the Ministry had undertaken within the last one year. Well, I can only tabulate here 10 matters in addition to what I have

already mentioned in my introductory speech, viz,

- (1) Follow-up Report regarding the implementation of the report of the Task Force of Officials on a National Policy for the Malaysian Rubber Industry. It is to be noted that this Report has both general planning and socio-economic research facets in that the recommendations seek to improve not only the overall strength of the rubber industry but also the livelihood of the rubber smallholders.
- (2) A Task Force has just completed its Report on the ways and means of reviving the local film industry.
- (3) The Second Report of the Select Committee on the Malayan Railways.
- (4) The impact of higher fuel costs on L.L.N. and the rest of the economy in terms of the fuel cost surcharge.
- (5) The Report on improving and strengthening rubber marketing is nearing completion.
- (6) The findings of the Task Force which was headed by the Ministry on the increasing incidence of fires and the recommendations to overcome this problem are now being drafted and the Report would be available by early next year. I presume the relevant Ministry will take over the functions after the Report is completed.
- (7) An overall study is also being undertaken on the pattern of our external trade since independence, so as to make policy recommendations on the strategies to be developed to further improve our overall trading position.
- (8) A Committee is also working on how to collect and make effective use of child weight data as a socio-economic indicator for planning purposes. This is a huge exercise and the Ministry has been trying to see how to entrench socio-economic facets in an overall way of planning in the country. So the simplest and the most comprehensive way we have thought so far is to introduce weight monitoring system at birth and possibly thereafter until the

children grow up and pass their primary school. A lot of questions can be asked and answered if we have these figures and collate them with other relevant indicators depending on the kind of questions you want to ask in relation to education, in relation to health and in relation to nutrition, etc. All these can be asked but the basic data is in regard to that of weight monitoring of children throughout their growing years. Again, the Ministry will not be doing this job by itself because Departments like the Medical Department and the Education Department will be asked to take on an extra burden in order to get the relevant forms filled and we will get the result from all this collection of data.

- (9) The Ministry also has a Task Force to work out strategies to promote and increase Bumiputra participation in business in the capital cities comprising members from organisations closely connected with this subject. The Task Force will try to monitor the degree of success achieved so far in the implementation of Government objectives of increasing Malay participation in commerce and industry and in the process identify the various problems and difficulties besetting the various agencies in their task. Apart from finding solutions to those problems, the Task Force will also work out recommendations for more effective steps towards fulfilling the desired target. The Task Force is expected to complete its deliberations by the middle of next year.
- (10) The last but not least is No. 10: the Public Complaints Bureau. The report of the Public Complaints Bureau of 1973 is to be analysed, which will be completed very soon, and from this we will try to see the pattern of where the defects are in the implementation of the machinery of Government. We do not only try to deal with individual complaints, but to see whether individual complaints together form a kind of pattern which calls for some form of strengthening of the Government machinery.

In addition to the ten Papers we have undertaken, the Ministry has also prepared Papers on the following subjects:

- (1) On the problems and the socio-economic features of new villages;
- (2) On the aborigines; and
- (3) On the accessibility to projects.

We are now trying to develop within the Government machinery as how to infuse the system of public administration with the concept of accessibility of benefits. Until now, we have evolved successfully the machinery of the Colonial Government, of what can be regarded as the *status quo* machinery to that of a development-oriented machinery. Now we want to see how this machinery can mix the people of various levels in making sure that opportunities that Government generates are of such a nature that people can take advantage of it. This is the reason behind the Prime Minister's oft-repeated statements on the need for a cheaper type of housing for the low income group. He was very worried, in fact, looking at the trend where low-cost housing has been provided in name but in actual fact all these houses were approaching the cost of \$20,000 to \$30,000 each which is well beyond the ability of the poor people who are meant to benefit from these schemes, to take advantage of them. And now the Government is devising, particularly through the Ministry of Housing, the right type of housing projects which will reach the right type of people whom we think are the priority groups to benefit from certain types of Government projects.

In relation to this concept of accessibility, the Government has worked out a concept in conjunction with the World Bank as to how to deal with the problem of rural poverty in a more effective fashion. As a result of Inter-Ministerial co-operation and deliberations, we have been able to identify what is called target poverty groups. In other words, groups which would not normally automatically benefit from the normal system of development administration unless certain extra features of their own short-comings are imported into our methods of administration. So, one facet of our desire to implement the concept of accessibility of benefits can be seen in the recognition by the Government of poverty groups of all races in the country whether in rural or in urban areas.

The Honourable Member for Kuala Lumpur Bandar has given me the impression that he does not think that the Government has paid sufficient attention to the problem of urban poverty. I owe it to him to explain here that the Government has been quite worried over the problem of poverty anywhere, whether rural or urban. Lately, the statement of the Honourable Prime Minister has indicated very clearly the desire of the Government to do something about this. One concrete manifestation of this is the focus on urban housing. It should also be pointed out that in the National Seminar on Local Government held in July this year, for example, I presented a key-note address in which I outlined how Local Authorities can serve to implement Government policy objectives and, in this connection, I mentioned the problems of poverty eradication in the urban areas. The Seminar participants also considered a paper on Local Government and Eradication of Poverty by the Chief Administrative Officer, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur which provided a useful profile on the urban poor. The paper in question also set out very comprehensive recommendations for redressing urban poverty. Basically the crux of the recommendations have been to ensure that the basic amenities of the town are brought within the reach of the poor. For example, the places of work, schools, shops and other amenities should be closer to their homes, as this would reduce their transportation expenses. Another strategy would be that in the planning of town infrastructures, due account must be given to the poorer neglected areas within the town, so as to boost up the economic potentials of kampungs or villages on the fringes of the town and to facilitate the participation of these villages in urban activities. Decentralisation of urban activities from the town centre including the creation of new township in itself will bring tangible benefits to the rural migrants overcrowding in the existing towns, in that it would disperse employment opportunities and reduce traffic costs. Apart from the actual subsidies in terms of lower rentals and lower rates for utilities being charged for the urban poor, differential rating in terms of lower assessment of rates could also be one form of assistance to the urban poor. Government assistance in education in terms of free text-books and hostel accommodation

for the children of the urban poor are other examples of meaningful assistance to redress urban poverty.

For the studies on the incidence of poverty, it should be pointed out that the most comprehensive recent information was obtained from the Post-Enumeration Survey of the 1970 Census. This has provided us with the basic data to identify the target poverty group within the community.

Mengenai soal penjaja pula, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur bersama-sama dengan International Development Research Centre of Canada telahpun menyediakan sebuah Persidangan Dasar Penjaja dan Peniaga-peniaga Kecil dalam bulan September tahun ini. Conference itu telah memberi satu peluang untuk memikirkan masaalah-masaalah penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil dengan cukup telitinya. Oleh sebab ada negara-negara lain dalam Asia telah mengambil bahagian dalam conference itu maka pertukaran pengalaman telahpun dapat dilaksanakan dan satu Paper oleh Professor Lum Kim Fook dari Universiti Sains Pulau Pinang telahpun dianggap sebagai satu asas perbincangan yang sangat lebar mengenai masaalah penjaja-penjaja di bandar-bandar di Malaysia ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sungai Siput telahpun bertanya mengapakah Kerajaan tidak memonitor kedudukan pengangguran di kalangan berbagai-bagai kaum dan cuba memerhatikan beberapa keburukan keadaan pengangguran dalam satu-satu kaum, mengapakah statistics tidak di buat mengenai soal ini. Sebenarnya, statistics mengenai soal pengangguran telahpun dijalankan oleh Kerajaan sejak tahun 1971 tetapi hanya dikumpulkan dua kali setahun. Mulai pada tahun ini kita akan mengadakan statistics tiap-tiap tiga bulan, tetapi saya mesti menyatakan di sini bahawa lapuran statistics ini tidaklah kita hebahkan. Walau bagaimanapun, statistics ini adalah menjadi satu cara Kerajaan kita dapat monitor soal pengangguran di kalangan beberapa kaum dalam negara ini. Sebenarnya, dalam Mid-Term Review Rancangan Malaysia Kedua angka-angka ini telahpun dipetekkan dalam Mid-Term Review itu. Kita percaya compilation mengenai angka tersebut akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga.

Kerajaan juga telahpun menjalankan, seperti kata saya tadi, Housing Census di negara ini yang meliputi bukan sahaja beberapa rumah tetapi bagaimana mutu rumah itu supaya dapat kita menilai korak perumahan yang mungkin kita dapat sehingga tahun 1980 dan apa langkah yang patut kita ambil untuk menggalakkan satu standard yang boleh dinikmati sedikit oleh rakyat kita dalam negeri ini.

Mengenai soal Biro Pengaduan Awam, saya suka hendak menyatakan bahawa memang benar pegawai-pegawai kita adalah terhad sedikit seperti dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Tetapi ini tidak menjelaskan pekerjaan Biro Pengaduan Awam. Memang benar kita akan daripada satu masa ke satu masa menambahkan pegawai kita manakala semakin banyak aduan kita terima. Tetapi melihat kepada bilangan aduan yang kita terima pada masa ini, maka tambahannya hanya marginal dan tidaklah elok bagi kita pada masa sekarang ini untuk menambahkan pegawai-pegawai kita tanpa sebab-sebab yang cukup kuat. Saya dapat tahu daripada Biro itu bahawa kebanyakannya daripada aduan-aduan yang berasas telahpun berjaya kita selesaikan. Sungguhpun begitu, kita sangat dukacita mengatakan lebih daripada setengah aduan-aduan ini tidak dapat diselesaikan bukan kerana kita tidak mahu, tetapi kerana aduan-aduan itu berupa tidak berasas (frivolous) ataupun aduan itu mengandungi satu-satu perkara yang bukan menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menyelesaikan dengan secara administrative. Misalnya, kalau ada seorang memberi aduan mengenai pergaduhan antara dia dengan jirannya, maka ini tidaklah terletak kepada Kerajaan untuk menyelesaikannya kerana ini soal peribadi (private). Dalam hubungan ini sayugalah dijelaskan bahawa Biro ini tidak memerlukan bilangan pegawai pada tahun ini. Mengenai . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri panjang lagikah?

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Sedikit sahaja lagi. Mengenai aduan-aduan yang ada asas, saya sangat sukacita melihat bahawa orang ramai bukan sahaja senang hati tetapi telahpun bercurah-curah menghantarkan surat mengucapkan terima kasih atas budi baik Biro Pengaduan Awam dalam menyelesaikan banyak complain, misalnya, mengenai pencek, relief allowance, hal tanah dan lain-lain.

Tuan Pengerusi, saya fikir mengenai Biro Pengaduan Awam ada juga cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, tetapi saya fikir jawapan saya bolehlah dapat difikirkan daripada jawapan yang telah saya ucapkan tadi. Itulah sahaja saya fikir jawapan yang patut saya beri. Perkara-perkara lain yang tidak jelas saya menjawab, Ahli-ahli Yang Berhormat patutlah menganggapnya sebagai mendapat perhatian saya dan boleh ditimbangkan dalam masa saya menjalankan tugas.

Masaalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$853,200 untuk Kepala B. 13, \$11,752,500 untuk Kepala B. 14 dan \$922,200 untuk Kepala B. 15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Semalam saya telah umumkan iaitu di atas permintaan Yang Berhormat Menteri, saya telah bersetuju Majlis akan menimbangkan Kepala Perbekalan di bawah Kementerian Penerangan iaitu B. 40, B. 41, B. 42 dan juga Kepala P. 41 dan P. 42. Saya jemput Yang Berhormat Menteri mengemukakan.

*Kepala B. 40, B. 41 dan B. 42 (Jadual)—*

*Kepala P. 41 dan P. 42 (Anggaran Pembangunan Sementara, 1976)—*

4.20 ptg.

**Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, saya minta Dewan ini meluluskan Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Penerangan dan jabatan-jabatan di bawahnya seperti yang dijelaskan di dalam buku Belanjawan di bawah Kepala B. 40, B. 41 dan B. 42 dan meminta Dewan ini meluluskan Perbelanjaan Pembangunan di bawah Kepala P. 41 dan P. 42. Jumlah Perbelanjaan Mengurus ialah sebanyak \$102,791,200, menunjukkan tambahan \$14,598,130 daripada jumlah Anggaran 1975. Butir-butir pecahan adalah seperti berikut:

Kepala B. 40—Kementerian Penerangan	...     ...	\$15,448,600
Kepala B. 41—Jabatan Penyiaran	...     ...	\$69,361,900
Kepala B. 42—Jabatan Penerangan	...     ...	\$17,980,700
Kepala P. 41 dan P. 42—Belanja Pembangunan	...     ...	\$12,100,495
(Kurang daripada perbelanjaan 1975)	...     ...	1,876,211)

Pecahan-pecahannya telahpun terkandung dalam Kertas Perintah yang telah dikelilingkan.

Sebahagian daripada peruntukan yang diminta untuk Kementerian Penerangan ialah bagi perbelanjaan pengurusan Jabatan Penyiaran, iaitu satu badan Kerajaan yang dapat membuat perhubungan seranta dengan orang ramai melalui media Radio dan TV. Sayugia diingati kedua-dua jurusan media ini adalah alat-alat seranta yang penting untuk membantu Kerajaan membina dan membangunkan negara dan mengujudkan masyarakat yang bersatu-padu daripada berbagai-bagai lapisan dan golongan rakyat jelata. Dengan berpandukan matlamat ini, Kementerian saya akan terus berikhtiar mendorongkan sikap rakyat ke arah pembangunan negara untuk menuju sasaran yang berlandaskan kepada Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru. Seterusnya untuk melaksanakan tujuan ini, Kementerian saya sedang menyusun semula dan memperkuuhkan lagi Bahagian Perancang dan Penyelidikan dengan harapan supaya bahagian ini dapat meninjau fikiran dan perasaan rakyat jelata. Adalah diharapkan dengan "feed-back" (maklumbalas) yang diperolehi nanti ianya akan dapat memberi panduan kepada Kementerian Penerangan dan Jabatan Penyiaran bagi meninggikan nilai rancangan-rancangan Radio dan TV seimbang dengan hasrat Kerajaan dan kepentingan rakyat keseluruhannya. Hanya dengan jalan ini sahaja maka kita dapat memimpin rakyat ke arah satu "perspective" yang difahami umum dan yang dapat membawa kita bersama-sama dalam usaha membangunkan negara. Panduan ke arah ini adalah sejarar dengan concept "confluence of positive forces for national development ataupun "aliran bersama perasaan kebangsaan untuk mendorongkan pembangunan negara" yang dijadikan sebagai falsafah di belakang usaha-usaha Kementerian ini.

Saya menghargai tentang kesulitan kewangan yang sedang dialami oleh Kerajaan sekarang untuk membaiayai aktiviti-aktiviti Kementerian saya bagi memperluas dan memperbaiki rancangan-rancangan Radio dan TV. Sungguhpun begitu Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan mungkin suka mengetahui bahawa Kementerian saya juga adalah salah satu daripada Kementerian-kementerian Kerajaan yang dapat menyumbangkan hasil (revenue) yang dikutip daripada penjualan masa pengiklanan (commercial advertisement

time) dan juga kutipan lesen-lesen Radio dan TV. Kementerian saya akan terus berikhtiar untuk mendapatkan lagi hasil-hasil yang banyak dengan apa cara sahaja yang difikirkan sesuai. Namun begitu, usaha kita mestilah terhad selagi kita tidak menyelitkan iklan-iklan dalam sesuatu program.

Untuk mencapai tujuan mengujudkan satu sikap yang sama bagi semua lapisan masyarakat yang berbagai kaum, Jabatan Penerangan pula akan menyediakan kursus-kursus tertentu bagi Pegawai-pegawai Luar supaya boleh mengadakan perhubungan yang rapat disamping memberi penerangan yang cukup kepada rakyat melalui "mobile unit", kursus-kursus sivik, temuramah dan lain-lain cara. Kursus mengenai methodology menilai pendapat rakyat akan diberi kepada pegawai penerangan yang bertugas di merata kawasan di negara ini.

Saya sukacita menerangkan di sini bahawa dengan penubuhan Pusat Latihan Penyiaran Negara yang baru di Angkasapuri, Kementerian Penerangan akan dapat terus memainkan peranan yang penting dengan mengadakan kemudahan-kemudahan latihan yang lengkap dan bermutu tinggi. Pusat tersebut bukan sahaja dapat melatih pegawai-pegawai tempatan bahkan ianya juga telah dipilih dan diakui oleh badan-badan antarabangsa sebagai satu Institiut Latihan Penyiaran Asia untuk bersama-sama melatih peserta-peserta dari negara-negara Asia dan negara-negara kawasan Pasific. Sebenarnya penubuhan Institiut ini adalah hasil usaha bukan sahaja daripada Kerajaan negara-negara berkenaan, bahkan juga badan-badan antarabangsa seperti U.N.D.P., UNESCO, ITU, ABU dan lain-lain lagi. Mereka memberi bantuan-bantuan pakar, perkakas dan juga kewangan.

Untuk menguatkan semangat perpaduan bagi semua rakyat Malaysia, Kementerian Penerangan telah mengadakan siaran TV se-rentak ke Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1976 sewa penggunaan satelit dan microwave links bagi tujuan ini ialah lebih kurang \$6.6 juta setahun. Pada tahun 1976 Kementerian Penerangan akan meneruskan lagi pembinaan stesyen-stesyen Pemancar Radio/TV dalam kawasan-kawasan bertompok-tompok dalam negara ini yang masih tidak diliputi oleh Perkhidmatan Radio/TV. Di Semenanjung Malaysia, Stesyen Pemancar Radio baru di Jerantut, Segamat, Grik dan Dungun dijangka siap dalam tahun 1976. Di Sabah dan

Sarawak pula Stesyen-stesyen Pemancar Radio baru di Lahat Datu, Tenom dan Simanggang dijangka siap pada tahun 1976 juga. Anggaran tambahan belanjawan mengurus bagi stesyen-stesyen baru ini ialah lebih kurang \$300,000. Sebahagian besar dari pada tambahan peruntukan yang diminta untuk tahun 1976 adalah untuk perbelanjaan menyewa TV microwave bearers dan penyelenggaraan Stesyen-stesyen TV Sarawak yang akan memakan belanja lebih kurang \$2.8 juta dan juga perbelanjaan untuk projek mengganti pemancar-pemancar TV bagi Semenanjung Malaysia yang mana akan menelan belanja \$2 juta. Dalam bahagian rancangan pula tambahan peruntukan sebanyak \$850,000 adalah diminta untuk perbelanjaan bagi menerbitkan rancangan-rancangan TV di Sarawak, Penerbitan Rancangan Derma Panggung R.T.M. yang akan disiarkan tiap-tiap bulan dan juga tambahan 2 jam sehari kepada siaran Inggeris Suara Malaysia yang ditujukan khas kepada penuntut-penuntut Malaysia di Australia dan New Zealand.

Kesimpulannya, saya suka mengulangi di Dewan ini bahawa Kementerian Penerangan akan cuba merapatkan lagi hubungan bukan sahaja di antara Kerajaan dengan orang ramai bahkan juga di antara rakyat sama sendiri yang terdiri dari berbagai-bagai lapisan. Dengan adanya aliran pemikiran rakyat menuju ke satu arah iaitu "National outlook and Commitment" kepada pembangunan melalui alor mass media, rakyat jelata sekelian akan dapat menyertai dengan sepenuhnya dalam usaha mencapai objektif-objektif Kerajaan khasnya dan negara amnya. Kita berharap sebarang keraguan yang biasanya timbul dalam masa peralihan mendirikan masyarakat moden akan dapat sama-sama diatasi dengan cukup baik. Malahan semakin lama kita mengusahakan pembangunan negara ini bersama-sama, semakin lebihlah keupayaan rakyat menyumbangkan buah fikiran dan tenaga untuk mempereratkan bagi perpaduan dan memperhebatkan kemajuan negara kita. Dengan lain perkataan, menerusi pertemuan pendapat yang disebatikan dalam "Crucible mass media," rakyat akan dapat memperjuangkan pembangunan sebagai satu pasukan raksasa sambil pengertian mereka mengenai national objektif bertambah luas akibat pandangan mereka bertambah jauh kehadapan kerana mass media dapat membuka gambaran yang lebih jelas mengenai masa depan kita bersama.

Tuan Pengerusi, dengan demikian, saya mohon mencadangkan supaya peruntukan tersebut diluluskan.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Majlis ditangguhkan selama 20 minit.

*Persidangan ditempohkan pada pukul 4.30 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua mempererusikan Jawatankuasa)

4.55 ptg.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan belanjawan Kementerian Penerangan dari Buku Belanjawan Persekutuan, 1976 sebanyak \$114,891,695. Saya menyentuh Kepala B, 41 Pecahan-kepala 1100 hingga 3300 Aktiviti (2) dan buku Anggaran Belanjawan, 1976 muka surat 479—Rancangan TV.

Tuan Pengerusi, patut kita beri pujian kepada Kementerian ini kerana menambahkan 8 jam seminggu siarannya untuk mencapai matlamat 60% rancangan-rancangan tempatan seperti yang ternyata dalam buku Anggaran Belanjawan tersebut. Beberapa rancangan baharu akan dilancarkan pada awal tahun 1976 cuma boleh mencapai 56% sahaja dari rancangan tempatan, itupun cuma ramalan sahaja. Saya rasa kalau betul kita hendak mencapai matlamat 60% itu, hendaklah kita tambah lagi 4 jam siarannya iaitu 2 jam pada hari Sabtu dan 2 jam pada hari Ahad. Satu rancangan baharu patut kita tambah yang bertajuk "Belajar Sembahyang".

Tuan Pengerusi, kalau dahulu kita boleh melihat rancangan "Belajar Senaman", "Menari Zapin", di TV, apa salahnya kita adakan rancangan "Belajar Sembahyang". Saya tidak lupa mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengadakan azan menandakan masuk waktu sembahyang bagi pengikut-pengikut ugama Islam bahawa waktu sembahyang sudah sampai. Ramai orang-orang di kampung, saya lihat Bilal-bilal sudah

dapat mengikut setail azan yang disiarkan oleh TV dan di Radio Malaysia serta memahami dan mengafalkan terjemahan doa azan itu. Molek juga saya rasa kalau diajar cara-cara sembahyang yang betul bagi faedah orang-orang Islam yang selama ini sembahyang dengan tidak begitu betul dan juga bagi faedah orang-orang yang baharu memeluk ugama Islam (muallaf).

Tuan Pengerusi, kepujian patut juga diberi kepada RTM kerana menganjurkan pertandingan-pertandingan seperti "Bintang RTM", "Bakat TV", "Dendang Rakyat" dan lain-lain. Dalam ruangan ini, kita telah dapat melihat bahawa banyak bakat-bakat yang terpendam yang selama ini tidak diberi peluang menunjukkan bakat mereka. Umpamanya dalam rancangan "Seiring Jalan" yang disiarkan pada masa menyambut Hari Raya yang lalu, kita telah melihat bakat-bakat yang telah ditunjukkan oleh Pemberita-pemberita Akhbar tempatan seperti Tamil Murasu yang telah menunjukkan kebolehan menyanyi lagu Melayu dengan fasihnya. Juga seorang pemberita akhbar kita telah membuat mimic dengan mengajok bagaimana para Menteri kita membuat ucapan seperti Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn, Tan Sri Ong Kee Hui . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Di sini tidak payah sebutkan nama. Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan disebut nama.

**Tuan Azaharul Abidin bin Hajji Abdul Rahim:** . . . . . para-para pembesar kita juga Pengarah Urusan suratkhabarnya. Apabila siaran itu ditayangkan, saya rasa seolah-olah kita berada di dalam Dewan yang mulia ini. Ada bakat yang lain seperti ahli-ahli lawak selama ini kita lihat S.M. Salim, Jamal Mohamad, Ibrahim Din, Ayappan, Lim Goh Poh serta lain-lain sahaja, tetapi dengan pertandingan ini kita telah melihat banyak ahli-ahli lawak yang tidak kurang handalnya.

Tuan Pengerusi, dalam usaha TV Malaysia membanyakkan rancangan filem-filem barat telah ditayangkan seperti Laredo, The men from Shiloh dan lain-lain. Filem-filem ini tidak langsung membayangkan kehidupan atau kebudayaan kita. Kalau kita saksikan filem-filem ini, kita merasa seolah-olah kita berada di Amerika. Begitu juga filem-filem barat yang lain menunjukkan cara hidup

orang barat, sebab itulah anak-anak muda kita terikut-ikut dengan cara-cara orang-orang barat seperti pakaian yang menjolok mata, cara-cara pergaulan yang melewati batas dan lain-lain lagi.

Tuan Pengerusi, Kepala B. 40, Pecahan-kepala 1100 hingga 3300 kita dapat di bawah perkara 6 Anggaran Filem Negara termasuk di bawah Kepala ini. Pada masa sekarang Radio Malaysia dan TV Malaysia telah digabungkan di bawah satu Jabatan iaitu RTM. Saya rasa molek juga kita gabungkan Filem Negara ini di bawah RTM dan dijadikan RTFM, kerana tugas-tugas Jabatan-jabatan ini adalah hampir sama, umpamanya dari segi perfileman dan serantanya.

Tuan Pengerusi, filem-filem seperti derama-derama, ulasan-ulasan selari menegai insiden-insiden yang berlaku di negara kita seperti perlawanan tinju, hoki, bola sepak, pertandingan membaca Quran elok dibuat oleh TV Malaysia dengan kerjasama Filem Negara atau apabila telah dicantumkan Jabatan-jabatan ini, boleh dibuat dengan lebih elok lagi. Dengan ini juga pihak RTM dapat mengurangkan tenaga kerjanya dan tidak payah mengambil pegawai-pegawai sambilan sebagaimana sekarang ini.

Tuan Pengerusi, di bawah Kepala B. 42, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (6)—Gerakan Saraf di Jabatan Penerangan. Kementerian ini elok juga membanyakkan kereta-kereta penerangan yang pergi masuk ke kampung-kampung untuk menerangkan kepada orang ramai dasar-dasar Kerajaan dan lain-lain, kerana tidak semua orang kampung ada radio dan TV. Kereta penerangan ini sahajalah jalan yang baik bagi Kerajaan untuk menyampaikan satu-satu perkara kepada rakyat. Tetapi di akhir-akhir ini perkhidmatan kereta penerangan ini sangat berkurangan, oleh itu eloklah Kementerian ini membeli lebih banyak kereta-kereta penerangan serta mengambil pegawai-pegawai penerangan yang boleh menjelaskan segala rancangan-rancangan Kerajaan serta melawan dakyah kominis.

Di kampung-kampung yang jauh ke dalam, rakyat sentiasa mendapat hasutan kominis. Dengan cara ini kita boleh melawan dakyah kominis bukan sahaja dengan menggunakan senjata, tetapi saya rasa kita akan menggunakan dakyah-dakyah seperti

ini. Dalam pada itu kita bolehlah berdakwah kerana yang boleh melawan ideoloji kominis ialah ugama Islam ataupun lebih tepat lagi ialah ideoloji Islam.

#### 5.04 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, saya juga menyokong Anggaran Belanjawan yang dikemukakan oleh Menteri Penerangan berkenaan dengan Kepala P. 40, P. 41 dan P. 42.

Yang pertama, saya ingin bercakap tentang penerangan. Penerangan ini sebagaimana saya lihat pada hari ini telah diadakan oleh Jabatan-jabatan Penerangan kadang-kadang satu-satu perjumpaan terpaksa dikumpul kepada banyak orang, barulah diadakan satu-satu penerangan. Tetapi memandang kepada suasana negara kita yang masih dalam keadaan yang tidak begitu tenang, disebabkan berbagai-bagai perkara mengenai keselamatan dan sebagainya, saya berharap dan saya berpendapat patutlah penerangan-penerangan ini diadakan selalu dan kalau boleh dengan penerangan yang menyeluruh ataupun dari rumah ke rumah dan sebagainya. Ini patut juga diadakan oleh Jabatan Penerangan, kerana kita tahu, baik buruk satu-satu kejadian adalah tertumpu kepada penerangan yang mendalam ataupun fahaman pada manusia.

Sebagai contoh ialah iklan-iklan. Bagi pihak peniaga-peniaga ataupun badan-badan swasta sanggup mengeluarkan berbagai-bagai iklan, kadang-kadang kita tengok iklan itu seolah-olah cerita cartoon ataupun kadang-kadang diterbitkan di dalam TV itu seperti kuda dan sebagainya, rupa-rupa akhirnya iklan rokok.

Di sini kita tahu bahawa perkara penyebaran atau pemberitahu adalah satu perkara yang penting kepada masyarakat. Pendek kata, walaubagaimana kita buat baik sekali pun, kalau tidak diketahui oleh umum, perkara itu tinggal begitu sahaja. Dengan sebab itu, saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan bahawa alat penerangan ini patut ditambahkan lagi baik dari segi cara berkereta ataupun dari segi orang dan tempat-tempat yang dianggap boleh diadakan dialog dan sebagainya patut kita tambahkan lagi.

Begitu juga kita tengok siaran TV hari ini, sepatutnya siaran-siaran yang sudah baik itu

disesuaikan lagi agar bertambah baik, kerana kadang-kadang masa siaran TV itu ada tidaklah begitu sesuai sangat. Izinkan saya berkata terus terang, kita tengok pada hari ini sebagaimana kata saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang bahawa kadang-kadang apabila kita tengok dalam Malaysia ini seolah-olah kita bukan berada dalam Malaysia dan bukan kita daripada rakyat Melayu, kerana kebanyakan cerita-cerita yang ditunjukkan itu adalah daripada luar negeri. Lebih tepat lagi daripada negeri-negeri Inggeris dan sebagainya.

Saya berpendapat, Tuan Pengerusi, perkara yang ditunjukkan dalam TV atau filem-filem yang ditayangkan di dalam TV patut diambil daripada negeri-negeri, khasnya negara-negara Arab seperti yang saya masih ingat di bulan puasa yang lepas pada pukul 6.10 petang, kalau tidak silap saya TV menyiarkan rancangan-rancangan Islam ataupun rancangan cerita-cerita berkenaan dengan Nabi Muhamad s.a.w. Perkara seperti ini saya perhatikan sendiri diminati oleh orang-orang tua di kampung-kampung yang juga menengok TV. Perkara-perkara inilah yang jadikan minat mereka. Jadi, saya berharap salah satu daripada rancangan dalam TV itu patutlah diadakan cerita-cerita yang bertajuk berkenaan dengan dakwah Islam ataupun cerita-cerita yang berkenaan tawarikh Islam yang membawa semangat perpaduan, semangat keislaman dan semangat bekerja sebagaimana kita tengok di zaman khalifah di masa-masa yang lepas. Begitu juga masa untuk siaran-siaran yang ditunjukkan di dalam TV itu tidaklah sesuai. Misalnya, cerita Melayu, yang menjadi minat orang kampung, saya sendiri pun daripada kampung. Masanya telah diubah terlambat jauh malam, Kadang-kadang kanak-kanak yang akan tengok bersama berasa sedih dan dukacita kerana masa itu terlambat jauh malam. Saya berharap berilah peluang kepada orang kampung, kita tahu mereka ada TV satu dua, ada setengah-setengahnya pergi ke rumah kawan untuk menuntun TV. Lainlah di bandar ada panggung-panggung dan sebagainya. Inilah peluang cerita-cerita Melayu yang akan ditengok oleh penduduk luar bandar. Kalaulah masa yang ditunjukkan itu terlambat jauh malam, sebagaimana yang ada pada hari ini, saya berpendapat tidaklah begitu sesuai. Dengan sebab itu, saya merayu kepada pihak Kementerian yang berkenaan tolonglah ubah masa yang sesuai sedikit.

Tuan Pengerusi, saya sebagai seorang Ahli Dewan yang datangnya dari utara Malaysia yang berhampiran dengan Thailand, selain daripada rancangan-rancangan TV Malaysia, saya juga dapat menengok bersama siaran TV negeri Thai. Saya sangat berasa sedih dan dukacita, bila saya tengok TV negeri Thai segala-galanya dicakapkan dalam bahasa Thai. Biar apa cerita sekalipun. Cerita Melayu, cerita orang puteh, cerita China pun di dubbing di dalam bahasa Thai. Kata Menteri Penerangan di masa yang lepas, saya masih ingat lagi iaitu loghat atau rangkapan bahasa itu kalau diterjemahkan tidak berapa betul. Jadi apabila saya tengok dalam TV Thai tidak begitu berjauhan sangat dan boleh difaham oleh orang-orang yang bercakap Thai. Jadi, saya merayuh sekali lagi kepada Menteri yang baharu ini, haraplah kalau boleh segala bahasa-bahasa itu secara berpatutan, kita terjemahkan juga kepada Bahasa Malaysia. Dengan ini, baharulah rakyat yang ada di dalam Malaysia ini tertarik hati belajar Bahasa Malaysia. Ini adalah satu daripadanya menggalakkan mereka mempelajarinya. Saya berharap segala rancangan-rancangan yang agak berfaedah walaupun rancangan yang ada ini, saya tidak nafikan seperti kata saudara saya tadi, umpamanya, Pertandingan Bakat '75 sebagaimana yang kita saksikan semalam, dan banyak lagi rancangan-rancangan yang lain, tetapi saya berpendapat kita patut sulamkan juga dengan pertunjukan-pertunjukan yang menarik kepada dakwah.

Berkenaan dengan dakwah ini, Tuan Pengerusi, talivisyen adalah mustahak. Saya sebut di sini kerana talivisyen adalah dilihat oleh umum iaitu bagaimana mengambil air sembahyang dan sebagainya. Saya tidak pandai, tetapi saya berasa dukacita sedikit kerana hal ini telah berbangkit banyak masalah. Misalnya, di dalam masa mengambil air sembahyang setengahnya kita lihat seolah-olah gopoh-gapah sahaja ataupun ditayangkan ketika membasuh sana dan membasuh sini. Biarlah ditunjukkan dengan cara yang betul, tepat dan cukup rapi, kerana itu dapat diketahui oleh umum cara kita beramal ibadat atau membuat apa yang disuruh oleh ugama Islam, samada bacaan azan dan sebagainya. Setengah-setengah orang saya perhatikan bila sampai tentang ra ke 'ain bacanya macam ajukan sahaja suaranya. Jadi, saya berpendapat kerana perkara itu diterbitkan oleh TV dan akan didengar

serentak ke seluruh Malaysia maka hendaklah kita amati betul-betul dahulu sebelum perkara itu disiarkan kerana ini akan diketahui oleh umum.

Tuan Pengerusi, rancangan radio pada puluk 7.25 minit pagi ialah satu rancangan yang dinamakan "Renungan Sepintas Lalu", rancangan yang seperti ini amatlah berfaedah dan saya harap patutlah ditambah lagi pada masa-masa lain ataupun diadakan ulangan. Jadi rancangan yang macam ini, pada pendapat saya patut kita tambah, dan kalau boleh kita buat ulangan. Kita sedia maklum, pegawai-pegawai Kerajaan termasuk guru, mereka terpaksa meninggalkan rumah pada puluk 7.00 pagi, jadi kalaular ulangan yang seperti ini tidak ada, bagi orang yang tidak ada masa dan ia ada mempunyai radio bererti dia tidak dapat mendengarnya. Sekiranya rancangan-rancangan lain kita dapat ulangan, rancangan yang seperti ini juga saya berpendapat patutlah kita buat siaran ulangan.

#### 5.14 ptg.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Pengerusi, di sini ingin saya menyentuh dengan ringkas di bawah Kepala B. 42 Pecahan-kepala 1100 Aktiviti 2 (b)—Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat di Sarawak yang mendapat peruntukan sebanyak \$1,215,000 di muka surat 302.

Tuan Pengerusi, Jabatan Penerangan di negeri Sarawak adalah salah satu Jabatan Kerajaan yang berdamping rapat dengan rakyat di luar-luar bandar. Walaupun pada masa ini radio dan talivisyen juga ada di negeri itu, namun rakyat di luar-luar bandar lebih-lebih lagi pendalaman negeri Sarawak tidak semuanya dapat menikmati siaran radio serta melihat dan mendengar talivisyen atas segala peristiwa yang berlaku di negara kita ini, kerana mereka ini tidak berkemampuan untuk membelinya. Dengan adanya Pegawai-pegawai Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat yang pergi melawat di kawasan luar bandar yang terpencil dapatlah rakyat mengetahui segala pembangunan dan apa juga perkara yang berlaku sebenarnya di tanah air kita ini. Begitu juga pihak-pihak Kerajaan sedikit sebanyak dapat mengetahui atas segala masalah rakyat seperti itu menerusi pegawai-pegawai perkhidmatan Luar Sivik ini. Dengan cara begini, saya rasa

dapatlah pihak Kerajaan yang bertanggung-jawab mengambil tindakan segera dan dari semua bidang dan perkara-perkara yang dianggap mustahak mendapat perhatian. Sesuai dengan dasar pihak Kerajaan bagi meninggikan lagi taraf penghidupan rakyat yang tidak bernasib baik biasanya di luar-luar bandar samada di kampung ataupun di rumah panjang di seluruh negeri Sarawak. Menerusi Perkhidmatan Luar Sekolah ini juga rakyat dapat menyampaikan segala sesuatu perkara yang patut dikemukakan kepada Kerajaan untuk dipertimbangkan.

Tuan Pengerusi, di bahagian Kepala yang sama bagi Pecahan-kepala 1200, Aktiviti 1 (b) yang mendapat peruntukan sebanyak \$39,000 untuk elauan-elauan dan lain-lain habuan. Apa yang kita boleh lihat peruntukan tahun ini adalah kurang berjumlah \$8,000 untuk negeri Sarawak dalam tahun 1975. Untuk negeri Sabah dan Semenanjung Malaysia adalah masing-masingnya bertambah daripada tahun 1975 sebagai peruntukan tahun 1976 ini. Oleh itu saya merayu di masa akan datang walaupun peruntukan ini tidak dapat ditambah lagi sekurang-kurangnya peruntukan untuk negeri Sarawak sama-sama mendapat tambahan. Janganlah dikurangkan pula daripada tahun 1975 seperti yang ada pada masa ini. Mengikut pandangan saya, elauan dan lain-lain habuan terutamanya tentulah bertambah mengikut keadaan zaman, lebih-lebih lagi negeri Sarawak yang luas serta perhubungan yang agak sukar daripada semua negeri di dalam Malaysia sudah barang tentu Pegawai-pegawai Jabatan Penerangan ini apabila pergi melawat mengambil masa yang agak lama. Dari itu elauan-elauan pegawai itu tentulah lebih juga.

Mengenai Kepala B. 42, Pecahan-kepala 1300, Aktiviti 2 (b) tambahan kos kakitangan yang mendapat \$17,000 bagi Sarawak. Peruntukan ini serupa sahaja dengan peruntukan tahun 1975, walaupun demikian bagi nasib Sarawak saya berharap di bahagian yang lain-lain segala peruntukan lebih banyak daripada tahun 1975. Jika mengikut penglihatan saya sepantas lalu di dalam segala peruntukan bagi Jabatan Penerangan di dalam Buku Belanjaan Persekutuan, 1976 ini nampaknya segala tambahan pada keseluruhannya negeri Sarawak adalah jauh kurang daripada negeri Sabah, apatah lagi jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Oleh hal yang demikian, sukalah saya menarik perhatian Dewan

ini supaya segala peruntukan harus juga dipertimbangkan dari segi urusan dan pentadbiran jabatan yang berkenaan supaya pegawai-pegawai dan kakitangan dapat bekerja lebih baik dan lancar lagi demi kepentingan negara dan rakyat seluruhnya.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya menyokong atas segala peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian yang berkenaan ini.

### 5.19 ptg.

**Tuan Haji Jamil bin Ishak (Tanjong Karang):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong peruntukan belanjawan Kementerian Penerangan yang berjumlah \$114,891,695. Sukacita saya menyentuh berkenaan dengan Pecahan-Kepala 1100, dan 3300 bahagian talivisyen.

Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, talivisyen ini adalah mass-media Kerajaan untuk disampaikan kepada orang ramai. Dan suka saya menekankan bahawa rancangan-rancangan itu patut sangatlah membanyakkan masanya untuk information di bidang pelajaran yang merupakan banyak masa untuk rancangan didikan dan yang sangat diminati ramai ialah bahagian Komentar di mana terdapat di bahagian itu banyak diperkatakan dan juga penyampaian berkenaan dengan pergolakan dan perkembangan dari semasa ke semasa bagaimana Kerajaan menghadapi atau menyelenggarakan satu-satu bidang yang telah diusahakan atau hendak dimajukan. Lebih-lebih lagi pada masa sekarang patut banyak ditumpukan masa rancangan menge-nalkan dari dekat kepada orang ramai pergolakan yang serious, umpamanya keselamatan (security) dan perkara-perkara muda-mudi dengan dadah dan akhlak yang kurang baik. Bahagian ini saya rasa patut diperluaskan daripada menunjukkan gambar-gambar seperti yang ditegur oleh Ahli Yang Berhormat pada suatu masa dahulu iaitu gambar-gambar yang berjodol cow-boy. Kebanyakan budak-budak naik semangat dengan cara cow-boy itu juga, terutamanya kalau seperti di tempat saya, Tanjung Karang, dikenali kawasan cow-boy. Jadi, saya nampak budak-budak itu gemar atau terbawa-bawa dengan didikan itu. Ini kita patut batalkan dan digantikan dengan cara yang lain. Dan banyak lagi perkara yang tidak berapa memberi kesan dan patutlah Jabatan ini memberi dayausahanya supaya

memperbaiki rancangan-rancangan yang dapat memberikan faedah kepada orang ramai, lebih-lebih lagi berkenaan dengan cara-cara mengatur rancangan hendaknya kenalah menghormati juga adat-istiadat ataupun adat resam tiap-tiap satu bangsa terutama sekali bagi kita orang Melayu. Saya menengok TV tidak berapa cuma sekali sekala sahaja, tetapi di dalam rancangan Dendang Rakyat itu saya hendak membuat tegoran iaitu seorang perempuan yang sudah tua masih lagi menyanyi, kemudian itu beromen pula di dalam rancangan itu. Ini sangat menjolok mata dan menyinggong dan membawa ajaran yang kurang menyenangkan bagi orang-orang di kampung. Saya rasa pihak perancang patutlah membatalkan perkara itu dan ditengok pada bahagian-bahagian yang lain juga yang mana tidak sesuai dengan keadaan.

Jadi, apa yang saya tekankan, Tuan Pengerusi, pihak perancang siaran kenalah mengembeltingkan iaitu mengatur rancangan-rancangan itu sesuai dengan keadaan negara dari satu masa ke satu masa. Negara kita sedang membangun dan kita tahu orang ramai iaitu rakyat, terutamanya yang di luar bandar masih dahagakan ilmu-ilmu pengetahuan dan tunjuk ajar. Pendeknya perkara-perkara yang memberikan kebaikan kepada mereka, lebih-lebih lagi yang penting kepada Jabatan Penerangan berkenaan dengan menyampaikan penerangan kepada orang ramai hendaklah disesuaikan dengan keadaan pada masa itu. Tajuk yang disampaikan kepada orang ramai supaya benar-benar yang disampaikan supaya mereka faham dan akan setia kepada Kerajaan, sebab kita tahu pada hari ini dan masih didapati lagi orang ramai yang tidak memberikan pandangan baiknya atau taat setia pada Kerajaan, sedangkan Kerajaan telah menjalankan 2 kali Rancangan Pembangunan iaitu Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua dan beberapa infrastruktur yang telah banyak diselesaikan, masih lagi terdapat orang ramai tidak begitu menaruh harapan baik kepada Kerajaan dan selalu memberikan kata-kata yang tidak berapa menyenangkan dan kita dapati juga pada masa sekarang orang ramai masih membantu kominis dan melindungi anasir-anasir jahat dan sebagainya. Ini patutlah kita fikirkan apakah sebabnya orang ramai berkelakuan sedemikian dan adakah ini satu daripada

faktor kerana kurang penerangan atau penyampaian daripada pihak Kerajaan kepada mereka atau sebaliknya. Inilah yang patut kita tumpukan dan saya harap sivik-sivik patut banyak diadakan di kawasan-kawasan yang seperti itu, terutamanya bagi orang-orang di luar bandar. Jadi, saya menekankan Jabatan Penerangan patut menambah peruntukan untuk mengadakan kursus sivik dan sebagainya.

Saya dapati di kawasan saya bahawa kenderaan dan alat-alatnya sudah tua sangat dan patutlah digantikan dengan alat-alat kenderaan yang baik supaya tidak terganggu rancangan mereka hendak pergi berjumpa dengan orang ramai. Kadang-kadang apabila sudah dicadangkan pada suatu tempat, dan oleh kerana kenderaan itu rosak dan sebagainya ataupun alat pembesar suara atau filem dan sebagainya rosak, maka terganggulah dan tidak dapat berjumpa dengan orang ramai dan kerana itu orang ramai mengkritik kepada activity-activity yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan.

#### 5.46 ptg.

**Tuan S. Samy Vellu (Sungai Siput):** Tuan Pengerusi, saya mohon berucap dalam bahasa campur-campur.

**Tuan Pengerusi:** Ini tidak ada banyak teknikal, cakap sahaja dalam Bahasa Malaysia.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong peruntukan Kementerian Penerangan sebanyak \$114,891,692 dalam Kepala B. 40, B. 41 dan B. 42. Dalam B. 41 rancangan yang disiaran menerusi radio semasa perayaan Deepavali pada tahun ini adalah cukup memuaskan. Walau bagaimanapun, masih banyak ruang yang kosong untuk memperbaikinya. Perlaksanaan rancangan-rancangan yang diberikan di dalam muka-muka terdahulu akan berjalan terus, bukan hanya untuk memperbaiki rancangan-rancangan harian malahan untuk mengadakan rancangan-rancangan khas untuk hari-hari perayaan seterusnya dalam rancangan Deepavali tahun ini kita dapati terlampaui sedikit benar ruangan yang diberikan kepada rancangan Ugama. Susunan yang liberal

mestilah diadakan untuk memuaskan rancangan-rancangan seumpama itu. Tuan Pengerusi, over the last five years . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Siapa yang membenarkan bercakap dalam bahasa Inggeris? Saya tidak izinkan. Teruskan dalam Bahasa Malaysia!

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, Saya sudah minta izin, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Sudah minta izin, tetapi izin tidak diberi.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Pengerusi, dengan sesungguhnya saya menyatakan bahawa tidak ada langsung rancangan khas yang diberikan terus untuk kepentingan orang-orang Hindu semasa merayakan peristiwa yang penting ini. Apa juga rancangan yang disiarkan telahpun dijadualkan untuk dipancarkan ke udara untuk kedua-dua hari yang tersebut. Penerbit-penerbit rancangan India di TV yang penoh minat telah diketepikan langsung apabila mereka semua penerbit-penerbit mereka memohon untuk mendapatkan kebenaran menerbitkan rancangan-rancangan khas bagi perayaan yang tersebut.

Tuan Pengerusi, adalah difahamkan dengan penuh kepercayaan bahawa mereka ini diberitahu untuk menggunakan masa yang biasa bagi menerbitkan sebarang rancangan khas untuk pendengar-pendengar India dan bukan untuk mendapatkan sesuatu masa yang terkhas. Rancangan Tumpuan Minggu tiap-tiap hari Sabtu mulai pukul 7.17 hingga 7.50 malam filem Rancangan Saluran Satu pada hari Ahad, pukul 4.03 petang adalah rancangan minggu kepada pendengar-pendengar India yang sepatutnya disiarkan tanpa mengira samada Deepavali dirayakan atau tidak, tetapi yang mendukacitakan penyiaran rancangan yang berjodol "Deepavali Varia" yang disiarkan serentak dengan filem rencana telah ditukarkan ke saluran lain. Pendengar-pendengar telah marah disebabkan oleh dua perkara. Pertama, tidak ada disebutkan tentang adanya siaran rancangan khas. Kedua, tiada sewajarnya dalam planning jadual yang sungguh buruk menyiaran dua rancangan serentak. Kepada peminat-peminat yang sedang merayakan hari perayaan tahun Deepavali nampaknya pendengar-pendengar India tidak langsung

diberikan layanan khas untuk hari-hari perayaan mereka. Pada Hari Raya dua hari yang berturut-turut, kedua-dua saluran penuh sesak dengan rancangan-rancangan semata-mata untuk hiburan "pop" yang berkenaan. Oleh itu, amatlah wajar kalau kita menerima aduan-aduan yang disiarkan oleh akbar harian Tamil baru-baru ini.

5.32 ptg.

**Tuan Abu Bakar bin Arshad (Hilir Perak):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Belanja yang dipohon oleh Kementerian Penerangan. Saya ingin menyentuh B. 40, Pecahan-kepala (Kod) 110, Jabatan Penerangan bertujuan untuk membantu Kerajaan dalam mencapai tujuan menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Saya nampak tujuan ini tidak tercapai kerana usaha-usaha yang dibuat tidak nampak hasil yang memuaskan yang mana pada pandangan saya tidak adupun pernah dibuat tayangan penerangan di kampung-kampung di luar bandar terutama di sepanjang tepi sungai yang mana saya telah ketahui dahulu ada sebuah unit bot bergerak tetapi bot itu pada masa sekarang sedang berdiam diri di limbungannya. Oleh yang demikian, saya berharap pihak yang berkenaan dapat menggerakkan semula kerana mereka yang tinggal di tepi-tepi sungai adalah golongan yang tertinggal serba-serbinya untuk mendapat hiburan.

Waktu akhir-akhir ini tayangan gambar di TV adalah merupakan lebih banyak gerakan-gerakan ganas di rumah-rumah, di jalananraya, di kenderaan udara dan darat dan laut yang mana pada pandangan saya ialah contoh-contoh yang dilakukan oleh perompak-perompak, pembunuhan-pembunuhan ganas yang berlaku pada masa sekarang. Saya rasa ini perlu dibaiki dan diubahsuai semoga dapat diterima oleh semua masyarakat.

Tuan Pengerusi, saya suka cinta kiranya dapat pihak TV ini menyiaran gambar yang merupakan pada satu-satu tempat yang benar-benar mundur dan yang serba-serbi kekurangan. Dengan cara inilah sahaja saya rasa pegawai-pegawai atau mereka yang terlibat untuk membaiki kehidupan dapat menonton bersama bagaimanakah keadaan kehidupan penduduk-penduduk yang benar-benar memerlukan pertolongan. Saya rasa

pegawai-pegawai dan mereka yang berkenaan tidak ada masa untuk melihat keadaan keadaan kehidupan yang saya sebutkan tadi.

Di sini saya sentuh sedikit tayangan iklan yang pada masa yang lalu adalah merupakan agak menjolok mata sedikit tetapi pada waktu yang akhir-akhir ini telah berubah dari masa ke semasa. Dengan demikian, saya berpendapat adalah lebih baik pihak Jabatan Penerangan ini supaya dapat menyiarkan unsur-unsur kebudayaan negara kita yang kaya ini. Kita mempunyai pelakun-pelakun filem tempatan yang baik. Gunakan mereka dengan sepenuhnya dan siaran TV untuk tayangan wayang gambar filem tempatan ada baiknya diterbitkan pada hari Sabtu, jam 3.00 petang dan tidak pada malam Jumaat pukul 9.00 atau 10.00 malam. Saya rasa dengan cara inilah sahaja keluarga bersama dengan anak-anak mereka di mana-mana juga negeri di Semenanjung Malaysia ini ada pada suatu masa.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh waktu yang terhad pada satu-satu siaran dalam masa seminggu iaitu ada baiknya siaran Berita Dunia hari ini dilanjutkan daripada 15 minit kepada 30 minit seminggu dan begitu juga rancangan Peristiwa itu patut ditambah daripada 20 minit dinaikkan kepada 25 minit pada sekali tayangan dan gambar-gambar yang disiarkan kalau boleh kurangkan gambar-gambar, umpamanya, Menteri ataupun Ahli-ahli Parlimen ini dikurangkan, kerana apa yang saya faham kebanyakannya penduduk-penduduk rakyat negara ini hendak mendapatkan dengan sebanyak-banyaknya akan pandangan yang boleh membantu kehidupan mereka.

Saya ucapkan terima kasih kepada Jabatan yang berkenaan berhubung dengan rancangan serentak di seluruh negara iaitu daripada Malaysia Timur dan Barat dengan cara serentak tetapi patut diikhતarkan supaya siaran apa yang disebut "Inilah Siaran Nasional daripada Sarawak", gambar yang daripada Sarawak ini dapat ditonton oleh kita di Semenanjung ini, jangan kita sahaja menonton gambar yang ada di Semenanjung, tetapi sepatutnya kita dapat juga menonton apa yang berlaku semasa juruulas itu menyebutkan keadaan yang berlaku di Sabah dan Sarawak.

### 5.38 ptg.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir (Ulu Nerus):** Tuan Pengerusi, peruntukan yang diminta oleh Kementerian Penerangan berjumlah \$114,851,695 ini, saya suka mengambil bahagian sedikit di dalam beberapa perkara. Yang pertama, saya suka menyatakan ucapan tahniah kepada Jabatan atau Kementerian yang berkenaan kerana suka ataupun selalu mengubahsuai rancangannya dalam waktu-waktu yang tertentu atau dalam masa-masa yang tertentu bagi menyesuaikan dengan keadaan masa dan keperluan sewaktu.

Tuan Pengerusi, dalam perbahasan ini yang pertama saya suka menyentuh Kepala Bekalan 41—Jabatan Penyiaran, Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (2), begitu juga 1200, 1300 dan seterusnya mengenai rancangan.

Saya sekali lagi menyampaikan rasa bangga di atas susunan rancangan yang telah dibuat ataupun yang telah dirancang oleh Jabatan Penyiaran ini mengenai penyiaran ataupun penerangan ataupun pengajaran ugama Islam di dalam negeri ini.

Yang Pertama, sesuai dengan ugama Islam di dalam negara ini, maka rancangan-rancangan yang telah disusun itu bagi pandangan saya amatlah baik, tetapi saya hendak meminta kepada pihak yang berkenaan supaya mengubahsuai lagi dan menambah lagi waktu-waktu atau masa-masa siaran khususnya siaran-siaran mengenai keugamaan di dalam bahasa-bahasa lain daripada bahasa Kebangsaan supaya orang-orang yang tidak mengikuti siaran di dalam bahasa kebangsaan dapat mengikuti dan dapat tumpang memahami siaran di dalam bahasa-bahasa mereka ataupun siaran dalam bahasa yang mereka ikuti.

Tuan Pengerusi, saya suka memberi pandangan sedikit mengenai siaran-siaran iklan ataupun iklan-iklan yang disiarkan di dalam TV atau Radio. Saya rasa sudah sampai masanya negara kita ini tidak menyiarkan iklan-iklan rokok, minuman keras dan sebagainya supaya dengan tidak menyiarkan iklan ini sedikit sebanyak akan dapat membantu ataupun menolong rakyat dalam negara ini tidak menggemari menghisap rokok, kepada orang yang belum mengisap rokok khususnya, ataupun orang-orang yang belum ketagih minum arak (alcohol).

Tuan Pengerusi, saya rasa perkara ini amatlah penting dan sesuai sekali dengan keadaan masa sekarang ini pihak yang bertanggung-jawab di Jabatan Penyiaran ini tidak menyiarkan iklan-iklan rokok dan minuman keras.

Saya suka menyarankan kepada Kementerian ataupun Jabatan ini, bahawa masanya sudah sampai bagi pihak Kementerian berkenaan membuka peluang kepada pihak-pihak swasta ataupun pihak-pihak yang lain daripada Kerajaan sendiri untuk membuka ataupun mengusahakan bahagian penyiaran ini baik TV ataupun radio. Tujuannya Tuan Pengerusi, saya rasa . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, itu menyentuh dasar. Kalau hendak bercakap atas dasar am sepatutnya dalam perbahasan am dahulu, tidak sesuai pada peringkat Jawatankuasa ini.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Tuan Pengerusi, saya amat berterima kasih di atas pandangan Tuan Pengerusi, tetapi saya harap Tuan Pengerusi izinkan, sebab saya tidak berpeluang langsung untuk bercakap dalam ucapan dasar.

**Tuan Pengerusi:** Apa hendak buat. Itu sudah malanglah nasib.

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Walau bagaimanapun, saya hendak sentuh dalam Kepala itu sedikit . . . .

**Tuan Pengerusi:** Kepala mana yang hendak disentuh?

**Tuan Lukman bin Abdul Kadir:** Supaya dapat pihak Kementerian berkenaan menimbangkan. Selain daripada itu saya suka sentuh Kepala B. 42, Pecahan-kepala 2600 mengenai Penerbitan Am.

Tuan Pengerusi, dalam Jabatan Penerangan ini saya merayu dan menyeru pihak Kementerian berkenaan supaya memberikan peruntukan yang lebih banyak lagi bagi perkhidmatan percitakan ini dengan lebih membanyakkan citakan-citakan, buku-buku ataupun risalah-risalah yang mengenai fahaman keugamaan ataupun fahaman Islam yang sebenarnya. Yang pertama pada pandangan saya dengan siaran ataupun penerbitan yang dapat disampaikan kepada penduduk-penduduk di dalam negeri ini dengan lebih luas

lagi mengenai fahaman Islam yang sebenarnya, supaya dapat menolong Kerajaan kita menghapuskan fahaman kominis, fahaman karut dapat menolong ataupun membantu Kerajaan kita bagi menghapuskan golongan-golongan ataupun muda-mudi kita yang terpengaruh dengan penyalahgunaan dadah dan sebagainya ataupun dapat menolong membantu orang-orang muda yang terpengaruh dengan kerja-kerja jenayah ataupun kerja-kerja yang tidak diingini oleh Kerajaan kita. Jadi saya rasa dengan peluang yang begini, pihak Kerajaan kita dapat berikhtiar menghapuskan sebarang kerja-kerja yang tidak baik ataupun sebarang kelakuan yang tidak baik yang sedang merebak dengan luasnya di dalam negara kita sekarang ini. Saya sekali lagi merayu kepada pihak Kementerian berkenaan supaya melebihkan peruntukan wang di dalam perkhidmatan percitakan ini agar perkhidmatan ini dapat diluaskan dengan lebih lagi walaupun saya sedar sekarang ini Bahagian ini sudah menerbit, mengeluarkan dan mengedarkan risalah-risalah sebagaimana yang saya sebutkan tadi tetapi saya rasa kalau diperluaskan lagi, diperhebatkan lagi akan lebih baik dan lebih menguntungkan kepada Kerajaan kita. Sebab inilah satu-satunya cara ataupun satu-satunya jalan yang boleh Kerajaan kita sampaikan ajaran, seruan dan sebagainya kepada seluruh rakyat khususnya kepada rakyat-rakyat di pendalamannya.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh sedikit Kepala P. 42, Pecahan-kepala (1) mengenai Yunit-yunit Berkereta, muka surat 309—Jabatan Penerangan. Dalam Yunit Berkereta ini, saya nampak pihak Kementerian ini tidak memperuntukkan dalam peruntukan pembangunan ini, barangkali pihak Kementerian ini telah memikirkan bahawa yunit-yunit ini telah mencukupi di dalam negara kita ini. Saya menyeruhal kepada Kementerian yang berkenaan supaya memberi peruntukan yang banyak lagi untuk yunit-yunit berkereta ini di seluruh negara kita, lebih-lebih lagi di Sabah dan Sarawak, sebab pada fahaman saya yunit-yunit bergerak ini dapat menolong Kerajaan menyampaikan sebarang perkara, sebarang masalah yang dikehendaki oleh Kerajaan kita untuk disampaikan kepada rakyat seluruhnya.

Tuan Pengerusi, di dalam soal ini walau-pun kita sedar bahawa rakyat di dalam negara kita ini banyak yang mempunyai radio, tetapi banyak yang tidak mempunyai

talivisyen. Apabila yunit-yunit kereta bergerak ini datang ke kampung sekali-sekala maka di mana-mana sahaja kita dapati yunit kereta bergerak ini, lebih-lebih lagi bagi Jabatan Penerangan apabila dihidangkan dengan tayangan wayang-wayang gambar, maka sambutan yang hebat, sambutan yang hangat kita dapati, kita perolehi di seluruh tempat di mana-mana sahaja yunit ini pergi. Jadi, di samping rakyat di dalam negara kita ini dapat menegok wayang gambar percuma yang dihidangkan oleh Jabatan ini, mereka itu dapat mendengar hebatan, syarahan dan penerangan yang disampaikan oleh pegawai-pegawai yang bertugas pada masa itu. Saya fikir patutlah Kementerian ini memikir dan menambahkan lagi yunit-yunit ini di dalam negara kita ini dan di samping itu menyusun dan melatih pegawai-pegawai Penerangan kita itu dengan lebih baik lagi supaya Pegawai-pegawai Penerangan kita, bukan bererti saya manafikan bahawa Pegawai-pegawai Penerangan yang ada sekarang ini tidak baik. Saya bertemu kasih kepada Pegawai-pegawai Penerangan kita sekarang ini sudah baik, tetapi saya mengharapkan Kementerian ini membanyakkan lagi kursus-kursus, lebih-lebih lagi dalam bahagian penyampaian, cara penyampaian dan cara penerangan supaya lebih menarik orang-orang yang mendengar itu untuk mendengar syarahan dan penerangannya, sebab kadangkala kita dapati juga apabila Pegawai-pegawai Penerangan kita ini sewaktu membuat penerangan, maka orang kampung tidak tertarik dengan penerangan mereka itu. Maka berlakulah permintaan ataupun sorakan supaya disambungkan tayangan wayang gambar, sebab lazimnya yang dibuat oleh Jabatan ini ditayang wayang gambar separuh, kemudian bersyarah membuat penerangan, kemudian akan disambungkan lagi.

Saya dapati juga apabila Pegawai-pegawai Penerangan kita ini dapat menyampaikan hebatan ataupun syarahannya itu dengan baik, maka pendengar-pendengar itu berminat sekali untuk mendengar syarahan-syarahan itu. Oleh sebab itu, saya merayu kepada Jabatan ini supaya memberi latihan dan mengadakan kursus-kursus khas kepada Pegawai-pegawai Penerangan yang bertugas untuk memberi penerangan di kampung-kampung ini supaya mereka itu dapat menarik minat orang ramai, dapat menarik orang-orang kampung mendengar, memerhati

hebatan syarahan yang diberikan oleh pegawai-pegawai yang tertentu yang pergi ke kampung-kampung. Apabila penerangan ini datang kerap kali sedikit ke kampung-kampung, sebab sekarang ini apa yang kita dapati, setengah-setengah daripada kampung itu terlampau lama barulah sampai sekali yunit-yunit kereta bergerak ini ke kampung-kampung mereka, lebih-lebih lagi di kampung-kampung pendalaman.

Saya harap dan merayu kepada jabatan yang berkenaan ini supaya mengadakan yunit kereta bergerak ini lebih kerap, lebih acap seberapa yang boleh di kampung-kampung, lebih-lebih lagi di kampung-kampung pendalaman, terutamanya di kampung-kampung yang berhampiran dengan sempadan ataupun di kampung-kampung yang di tepi-tepi pantai yang pihak keselamatan kita memikirkan kawasan-kawasan ini lebih perlu diawasi dan lebih perlu diberi penerangan, baik dalam soal dadah, soal keselamatan, soal kominis dan sebagainya.

Itulah sahaja harapan saya moga-moga mendapat pertimbangan yang baik daripada pihak yang berkenaan.

#### 5.55 ptg.

**Tuan Au How Cheong (Telok Anson):** Tuan Pengerusi, saya bangun menyokong Anggaran Belanjawan untuk Kementerian Penerangan dan saya ingin bercakap di bawah Kepala P. 42 (muka surat 309), Pecahan-kepala 1—Yunit-yunit Berkereta, dan saya minta izin berucap dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Pengerusi:** Teruskan dalam Bahasa Malaysia dahulu!

**Tuan Au How Cheong:** Tuan Pengerusi, Dewan ini telah mendengar ucapan ahli Yang Berhormat dari Batang Padang yang mengatakan kereta-kereta penerangan (information) itu tidak mencukupi dalam memberi perkhidmatan kepada kawasan luar bandar. Saya minta izin . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Izin apa? Jalan terus!

**Tuan Au How Cheong:** Saya pun bersetuju dengan kenyataan itu, tetapi saya ingin menambah banyak orang ramai ada mendiami di tepi sungai, oleh kerana itu bila kita tambah kereta-kereta penerangan ini tidak berapa guna. I therefore suggest—saya cadang . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Bagus, teruskan!

**Tuan Au How Cheong:** Saya mencadangkan supaya Kementerian Penerangan provide this information boat to serve the people living along the riverine areas, so that they can be served more effectively.

**Tuan Pengerusi:** Cakap apa itu?

**Tuan Au How Cheong:** Supaya lebih berkesan.

**Tuan Pengerusi:** Sedikit-sedikit bercakap dalam bahasa Inggeris tidak mengapa, saya izinkan, jangan sampai tidak dapat bercakap langsung.

**Tuan Au How Cheong:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh juga B. 40 Pecahan-kepala 1100, aktiviti (5) Penyelidikan dan Perancang.

(*Dengan izin*) I have visited many rural areas and very often, we find that there is an information gap among the rural people. In order to assist our people to be better informed, I therefore propose that television sets or at least a radio be provided in all the Dewan Orangramai that the Government had already built in the various kampungs and rural areas. This would enable our people at the grassroot level not only to listen to the news or learn something new but also to see or hear the various development programmes in other parts of the country, to see or hear how Government policies are actually being implemented. This will go a long way to help develop understanding and rapport between the people and the Government. Thank you very much.

5.59 ptg.

**Datuk Haji Shafie bin Abdullah (Baling):** Tuan Pengerusi, bercakap di dalam B. 40 Pecahan-kepala 1100 Aktiviti (1) Pentadbiran Am berkenaan dengan Pegawai-pegawai Penerangan Luar yang telah berkhidmat dengan baik dan berani siang dan malam, lebih-lebih lagi di waktu dharurat ataupun di dalam kawasan-kawasan berkurung, di tempat-tempat di dalam kawasan-kawasan Hitam untuk memberi penerangan kepada penduduk di atas sesuatu tindakan-tindakan yang hendak disampaikan kepada rakyat.

Saya bukan hendak membela nasib Pegawai-pegawai Penerangan Luar ini tetapi daripada pandangan saya bahawa Kerajaan pada hari ini harus memandang kepada masa depan pegawai-pegawai ini dengan memberi satu jaminan bahawa nasib mereka ini juga hendaklah diberi perhatian iaitu tentang jawatan-jawatan mereka dalam kenaikan pangkat dan lain-lain yang telah menjadi sungutan di dalam pentadbiran ini. Pegawai-pegawai Penerangan ini telah diambil masuk di dalam perkhidmatan ini bertahun-tahun yang telah lalu. Pegawai-pegawai Penerangan yang benar-benar berkebolehan bukan bergantung kepada kelulusan yang tinggi, certificate yang berjela-jela, tetapi kadangkala hanya mempunyai kebijaksanaan di dalam penyampaian kepada rakyat. Saya berpendapat mana-mana pegawai-pegawai yang mempunyai kebolehan yang bijak untuk membuat perhubungan dengan rakyat dan dapat menyampaikan apa sahaja hasrat Kerajaan, maka pegawai tersebut patut diberi pandangan baik oleh pihak Kerajaan dan dinaikkan pangkat dan ini akan memberi galakan tambah kepada seluruh pegawai-pegawai di dalam Kementerian ini untuk bergiatan. Elaun dan gaji Pegawai-pegawai Penerangan yang bertambah-tambah pula kerja-kerja yang ditapukan kepada mereka, patut sekali disemak kembali dan diberi perhatian penuh supaya pegawai-pegawai ini tidak akan ketinggalan dalam pengajian tanggagaji dan elaun mereka.

Saya katakan dalam Dewan ini bahawa sungguh malang nasib Pegawai-pegawai Penerangan di dalam Kementerian Penerangan sehingga hari ini belum pernah mendapat perhatian tentang sungutan mereka di dalam tanggagaji, elaun luar dan sebagainya. Kadangkala Pegawai-pegawai Penerangan Luar dikehendaki bertugas di luar bandar jauh di kampung-kampung, di daerah-daerah yang merbahaya berminggu-minggu tidak dapat kembali ke rumah. Kalau tanggagaji guru-guru umpamanya, dikaji berkali-kali, selepas satu Suruhanjaya kepada satu Suruhanjaya, tetapi nasib Pegawai-pegawai Penerangan Luar dan nasib pegawai-pegawai dalam Kementerian Penerangan ini tidak pernah diambil hirau ataupun dititikberatkan oleh pihak Kerajaan. Maka dengan perhatian baik sekiranya Kerajaan menerima cadangan ataupun apa yang saya katakan, maka saya percaya mutu penerangan Kerajaan kita akan bertambah baik dan mereka ini akan dapat

memainkan peranan utama di dalam pembangunan negara dan itulah yang sangat-sangat dikehendaki oleh Kerajaan kita pada hari ini.

*6.03 ptg.*

**Dr Ling Liang Sik (Mata Kuching):** Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk mengambil bahagian di dalam membincangkan Kepala 42 Pecahan-kepala 1100—Aktiviti No. (6) iaitu Geraksaraf. Saya harap di tahun hadapan dan di masa hadapan kita boleh nampak suatu cara (approach) yang baru, suatu rancangan yang baru atau suatu rancangan yang bold adopted oleh Radio, Talivesyen dan Filem Negara juga. Tujuannya untuk menyatupadukan orang-orang ramai di dalam Malaysia. Rancangan ini saya harap boleh mengajar (teaching) orang ramai, orang-orang kita adalah serupa dan bukan mengajar orang ramai, kita tidak serupa di dalam Malaysia kita. Saya pun hendak mohon izin hendak campur sedikit . . . .

**Tuan Pengerusi:** Tetapi jangan campur macam yang lalu. Kalau macam dahulu, saya tahan terus.

**Dr Ling Liang Sik:** Baik, Tuan Pengerusi. Saya refer kepada negara kita sebagai suatu negara yang berbilang bangsa, suatu negara yang juga berbilang ugama dan berbilang kebudayaan dan di dalam suatu masyarakat macam ini, saya harap kita boleh buat diversity menjadikan kita strength dan bukan weakness. Kebudayaan kita, Tuan Pengerusi, adalah rituals yang tidak serupa, khasnya di dalam lapangan makanan dan ugama tetapi kebudayaan kita yang ada di negara kita adalah satu aspek yang banyak serupa . . . .

**Tuan Pengerusi:** Itu di bawah Pecahan-kepala mana?

**Dr Ling Liang Sik:** I beg your pardon?

**Tuan Pengerusi:** Di bawah Pecahan-kepala mana?

**Dr Ling Liang Sik:** Di bawah Geraksaraf, Pecahan-kepala 1100—Psychological Operations. Saya hendak make the point . . . .

**Tuan Pengerusi:** Ya, macam mana?

**Dr Ling Liang Sik:** Sedikit lagi. Saya hendak make the point.

**Tuan Pengerusi:** Tetapi janganlah ditumpukan sangat kepada kebudayaan. Itu boleh dibincangkan pada masa Kementerian Kebudayaan.

**Dr Ling Liang Sik:** Ini Psychological Operations.

**Tuan Pengerusi:** Ya, jangan ditekankan sangat, do not dwell too much on culture.

**Dr Ling Liang Sik:** Di atas aspek ini iaitu penghargaan kebudayaan, saya hendak point out kepada Kementerian yang berkenaan iaitu di dalam semua kebudayaan kita yang ada di dalam Malaysia, kita ada penghargaan masyarakat yang sama iaitu macam penghargaan kebudayaan untuk goodness atau penghargaan keadilan pemerintah kita, atau penghargaan hormat orang tua atau penghargaan non-corruption. Saya harap, Tuan Pengerusi, Kementerian Penerrangan boleh mengambil berat, consideration di atas perkara ini dan saya harap kita boleh membuat satu rancangan untuk telling the people how similar we are, bukan telling the people how different we are and I hope kita boleh make use of cultural values, penghargaan kebudayaan yang sama. Pendapat saya ialah kita ada banyak similarities dan lapangan ini kita mesti exploit di dalam sesuatu masyarakat yang berbilang bangsa. Kita selalu nampak leaders kita selalu bercakap kepada kita, jangan ape the West, tetapi jika kita tidak mengajar orang-orang kita di atas perkara-perkara macam itu yang boleh menyatupadukan masyarakat kita, macam mana orang kita don't ape the West, sebab banyak filem cowboy, banyak filem lain-lain. Saya harap kita boleh membuat satu rancangan macam ini supaya pemuda-pemuda di dalam negara kita di masa hadapan tidak ikut lagi western cultures and western sub-cultures of hippism and anti-establishments sub-cultures. Saya harap Menteri yang berkenaan boleh mempertimbangkan perkara ini dan boleh memberi kepada kita suatu jawapan yang sesuai sekali.

*6.10 ptg.*

**Tuan Syed Hassan bin Syed Mohamed (Arau):** Tuan Pengerusi, dalam membahaskan berkenaan dengan kementerian Penerrangan Kepala B. 40, B. 41 dan B. 42 yang

berjumlah \$114,891,695, saya anggapkan anggaran yang telah diberikan kepada Kementerian Penerangan adalah satu anggaran yang sederhana, kerana jika kita pandang kepada aktiviti-aktiviti dan tugas-tugas yang dijalankan oleh Kementerian Penerangan ini yang merupakan sebagai benteng mempertahankan dakyah musuh yang tidak kurang pentingnya dengan Kementerian Pertahanan patutlah mendapat anggaran perbelanjaan yang lebih daripada itu. Di dalam membahaskan berkenaan dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian ini, saya suka menyentuh Kepala B. 40 Pecahan-kepala 1100. Aktiviti (6) berkenaan dengan Filem Negara Malaysia. Apa yang saya harapkan di sini berkenaan dengan Filem Negara Malaysia ini ialah supaya Filem Negara Malaysia membanyakkan filem-filem yang sesuai untuk ditayangkan di kampung-kampung kerana sehingga hari ini apa yang saya perhatikan kadang-kadang satu filem itu ditayangkan pada satu tempat yang berdekatan lebih dari satu kali. Ini adalah membosankan orang-orang kampung melihat tayangan itu kerana kurangnya tayangan-tayangan filem, pada hal filem ini adalah satu cara penerangan yang berkesan kepada orang kampung, kerana bukan sahaja dapat dilihat oleh orang-orang yang berpelajaran yang boleh menulis, tetapi boleh dilihat oleh kanak-kanak dan orang-orang dewasa yang tidak tahu menulis dan kesannya sangat-sangat baik bagi penerangan.

Begitu juga yang saya harapkan di dalam Filem Negara Malaysia ini juga supaya membanyakkan filem-filem untuk ditayangkan di luar negeri, kerana penuntut-penuntut kita di luar negeri dan juga orang ramai di luar negeri kalau sekiranya dibanyakkan tayangan gambar-gambar yang dapat menggambarkan hakikat yang sebenarnya berkenaan Malaysia bukan sahaja dapat memberi kepercayaan dan penerangan yang baik kepada penuntut-penuntut, tetapi boleh juga menarik pelancung-pelancung ke dalam negeri kita.

Begitu juga saya harapkan di dalam perkara ini ialah berkenaan dengan filem-filem yang akan dikeluarkan oleh Filem Negara Malaysia itu hendaklah juga mempunyai filem yang berunsur ugama, kerana filem-filem berunsur ugama ini boleh memberi kesan yang baik bagi melatih budi pekerti

dan akhlak orang ramai, kerana kesan ugama ini adalah satu kesan yang mendalam di dalam jiwa umat.

Dalam menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 41 berkenaan dengan Penyiaran, suka saya menyentuh berkenaan dengan siaran radio ke luar negeri dapat dibanggakan kerana aktiviti ini telah ditambah seperti mana yang dicatatkan di dalam Anggaran Belanjawan tetapi apa yang ditambahkan itu cuma siaran dalam bahasa Inggeris, bahasa Arab dan bahasa Burma. Saya sarankan di sini supaya bukan sahaja bahasa-bahasa itu disiarkan tetapi juga mestilah disiarkan bahasa-bahasa yang dipakai di dalam block komunis dan socialist supaya mereka itu dapat memahami kedudukan kita. Bukan setakat itu sahaja, boleh jua menyerang balas akan siaran-siaran yang mereka lakukan, kerana kita biasa dengar juga siaran-siaran yang telah dikeluarkan oleh negara-negara yang berkenaan, terutama sekali China Komunis dan Soviet Russia yang mana siaran-siaran di dalam Bahasa Kebangsaan sangat-sangat nyaring dan sangat-sangat memberi kesan kepada pendengar-pendengar kalau sekiranya pendengar-pendengar mendengarnya. Kalau sekiranya kita dapat menangkis balik dan memberikan penerangan-penerangan yang begitu baik walaupun negeri-negeri itu menahan penduduk-penduduknya daripada mengikuti siaran luar, tetapi telah menjadi kelaziman perkara-perkara yang diharangkan itu menjadi kesukaan, maka saya percaya kalau sekiranya diadakan siaran sedemikian itu, maka tentu dapat memberi kesan di dalam menangkis segala serangan-serangan yang telah dilakukan.

Begitu juga berkenaan dengan siaran ini samada Radio dan TV, suka juga saya menarik perhatian berkenaan dengan iklan-iklan seperti mana juga telah dicakapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Tetapi berhubung dengan perkara ini suka saya hendak menarik perhatian ialah iklan-iklan yang diadakan itu kesannya ialah kepada kanak-kanak kecil yang di bawah umur persekolahan di antara 4 dan 7 tahun hingga ada di antara mereka itu meninggalkan makanan dan minuman untuk mendengar siaran itu tetapi kesan kepada orang-orang dewasa itu sedikit sangat. Berkenaan dengan siaran ini kita bukanlah bertujuan pada atasnya untuk mendapatkan wang

daripada penyiaran itu, tetapi untuk memberi penerangan kepada orang ramai. Oleh itu, sampailah masanya kepada kita untuk mengurangkan iklan-iklan itu kerana tidak memberi faedah cuma semata-mata mendatangkan faedah kewangan kepada Kerajaan.

Di dalam menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 42, Pecahan-kepala 3300, Aktiviti (2) Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat, saya memuji langkah ini kerana langkah ini adalah memberi kesan yang mendalam terutama sekali di kampung-kampung. Tetapi apa yang saya harapkan di dalam mengadakan Perkhidmatan Luar Sivik dan Masyarakat ini, saya harap hendaklah mengadakan kerjasama yang kokoh dan erat di antara jabatan-jabatan Kerajaan. Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain patut mengambil bahagian sama di dalam kursus sivik dan masyarakat di kampung-kampung dengan cara meluas, kerana kalau sekiranya bahagian penerangan sahaja memberi penerangan, maka kesannya itu tidak akan mendalam di dalam jiwa penduduk-penduduk. Kalau sekiranya diambil bahagian oleh badan-badan yang lain ataupun jabatan-jabatan yang lain, maka ini adalah mendatangkan hasil yang baik, kerana orang-orang kampung dapat mengetahui dengan lebih mendalam lagi segala aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan-jabatan yang lain itu.

Akhir sekali, saya menyentuh berkenaan dengan Kepala B. 42 Pecahan-kepala 3300. Aktiviti (6)—Geraksaraf. Inipun satu daripada cara-cara yang baik yang telah dijalankan oleh Jabatan ini, tetapi apa yang saya harapkan untuk memberi kesan yang lebih baik lagi, terutama sekali di kampung-kampung, bahagian ini hendaklah menggunakan hari-hari kebesaran Islam bagi dijadikan masa-masa untuk memberikan siaran ataupun geraksaraf ini seperti di dalam bulan puasa misalnya, dengan menggunakan tempat-tempat ibadat seperti mesjid, surau dan sebagainya untuk dijadikan tempat perjumpaan bagi diadakan aktiviti-aktiviti yang sedemikian itu, kerana orang-orang yang pergi ke masjid-masjid dan ke surau-surau itu orang-orang yang suci hati. Manakala seseorang itu menghadapi satu-satu perkara dengan hati yang suci dapat menerima perkara-perkara yang diberi itu dengan hati suci juga.

### 6.20 ptg.

**Tuan Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar (Batu Pahat):** Saya bangun untuk menyokong Anggaran Perbelanjaan bagi Kementerian Penerangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri pada petang ini.

Tuan Pengurus, saya ingin menyentuh Kepala P. 42, Pecahan-Kepala (2) berkenaan dengan Pejabat-pejabat Penerangan.

Tuan Pengurus, kita amat menghargai tugas-tugas yang dijalankan oleh pegawai-pegawai dan juga kakitangan Jabatan Penerangan dalam setiap keadaan, setiap ketika, samada waktu perayaan, waktu banjir, waktu pilihanraya dan sebagainya. Tetapi apa hendak saya sentuh sedikit di sini, setengah-setengah bangunan Pejabat-pejabat Penerangan ini amatlah menyediakan. Bangunannya uzur, sempit dan alatan tidak cukup, seperti di kawasan saya sendiri, di Batu Pahat, kadang-kadang untuk hendak menambah dua tiga kerusi pun menunggu hingga tiga empat bulan baru dapat kelulusan. Jadi, saya harap benar-benar supaya perkara ini dapat diambil perhatian oleh Jabatan berkenaan.

Dalam Kepala P. 41, Pecahan-kepala 41 dan 43 kita akui juga peranan yang dijalankan oleh Jabatan Penyiaran dalam setiap saat dan ketika, waktu darurat seperti menghadapi konfrantasi Rejim Sukarno daripada Indonesia, semasa darurat 13hb Mei dan lain-lain lagi.

Apa yang saya hendak sentuh di sini iaitu di dalam kita menghadapi keadaan keganasan kominis terutama di kawasan sempadan, saya suka mencadangkan supaya di tambah lagi satu siaran khusus untuk tikus-tikus negara atau penjahat-penjahat kominis di perbatasan, di hutan-hutan sana dengan menggunakan transmitter yang cukup kuat. Tujuannya bagi mengadakan siaran khas rayuan samada daripada kaum keluarga pengganas-pengganas kominis yang kita tahu bersembunyi di kawasan itu ataupun rakan-rakan mereka yang telah kita tangkap, diberkas dan sebagainya merayu kepada rakan-rakan mereka supaya sedar dan balik semula kepada kehidupan masyarakat biasa.

Saya juga bersetuju dengan rakan saya dari Arau tadi, kerana saya dapat tahu ada siaran-siaran radio daripada kawasan yang

tersebut yang kononnya daripada Tentera Pembebasan Malaysia dan sebagainya. Dengan cara ini, saya percaya, satu cara lagi untuk mengatasi terutamanya hendak membawa balik semula mereka yang telah tersalah jalan masuk dalam kumpulan penjahat-penjahat kominis khususnya di kawasan perbatasan Malaysia dan Siam yang tersebut itu.

Dalam bahagian ini juga iaitu Kepala P. 41 Pecahan-Kepala (43). Kita juga berterima kasih di atas mutu penyiaran samada radio dan TV negara kita jika di bandingkan dengan negara-negara di sekeliling kita, samada dari segi mutu penyiaran dan sebagainya kalau ada pun barangkali sedikit kekurangan yang boleh kita tokok perbaiki. Apa yang saya hendak sebutkan di sini, Tuan Pengerusi, iaitu mengenai perkara yang menyentuh sebahagian besar penduduk-penduduk di selatan Semenanjung Malaysia khasnya dalam negeri Johor, iaitu rancangan Talivisyen berwarna. Saya faham ini akan memakan belanja yang besar dan sebagainya, tetapi kita tidak mahu penduduk-penduduk di kawasan yang tersebut tadi 24 jam membuka siarannya ke negara jiran yang ada TV berwarna. Ini banyak perkara-perkara yang boleh mendatangkan keburukan daripada apa yang saya katakan tadi. Dengan sebab itu, seberapa boleh kita berharap supaya rancangan TV berwarna ini dapat diadakan dengan seberapa segera yang boleh kita adakan.

Mengenai Jabatan Penerangan ataupun Kementerian Penerangan keseluruhannya, saya juga mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah peranan yang telah dijalankan oleh Jabatan Penerangan samada menerusi radio, Talivisyen dan booklets dan sebagainya mengenai liputan berita-berita kemajuan di negara kita terutamanya dari segi pembangunan. Jadi, apa yang saya hendak sentuh di sini. Tuan Pengerusi, saya nampak kadang-kadang liputan penerangan ataupun bahan-bahan sebaran am itu tidak seimbang, terutama dari segi pembangunan. Seolah-olah pembangunan ini untuk orang-orang Melayu sahaja dan orang bukan Melayu, tidak ada. Padahal kalau kita tinjau orang-orang yang bukan Melayu juga mendapat nikmat daripada pembangunan kita. Misalnya, dalam TV menyiarkan gambar-gambar mengenai pembangunan, kampung-kampung. Misalnya, pemberian

Lembu Pawah, Kelas Dewasa, Biasiswa dan sebagainya seolah-olah orang Melayu sahaja yang dapat padahal kita boleh juga mengadakan siaran ataupun tayangan yang menunjukkan orang-orang yang bukan Melayu dalam menjalankan kerja-kerja kontrek membuat jambatan, bangunan-bangunan dan sebagainya yang juga hasil daripada pembangunan kita. Kadang-kadang pendapatan mereka ini satu hari \$14-\$15 ringgit. Sedangkan orang-orang yang diluar bandar khususnya kaum bumiputra yang kononnya mendapat pembangunan yang lebih pendapatannya \$4-\$5 dan kadang-kadang sebulan, hanya \$40-\$50 sahaja. Dengan cara ini saya percaya dan yakin, tidaklah dapat pihak-pihak yang antinasional hendak menggunakan jarum mereka untuk menghasut rakyat terutamanya golongan muda-mudi yang bukan bumiputra, seolah-olah mereka tidak dapat tempat dalam pembangunan dan mengelakkan nikmat daripada pembangunan negara kita. Saya yakin dan percaya kalau rancangan disusun dengan begitu rupa supaya dapat seimbang, ini satu cara juga kita dapat mengelakkan perkara-perkara yang tidak diingini boleh berlaku dalam negara kita terutama pada saat seperti pada hari ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang akhir saya hendak sentuh juga berlaku dalam negeri Johor, saya percaya begitu juga kepada negeri-negeri di Semenanjung Malaysia yang hari cutinya hari Jumaat. Biasanya Jabatan Penerangan bila hendak mengadakan kursus tatarakyat, kursus penerangan atau sebagainya akan bertanya kepada wakil-wakil rakyat: "Hari apa Yang Berhormat yang elok?" Jadi, wakil rakyat berjumpalah orang ramai bertanyakan hari apa yang boleh, ramai orang datang. Jawabnya hari Jumaat sebab di Johor kelepasan hari Jumaat Tetapi bila dikemukakan kepada pihak Jabatan Penerangan, samada dari segi union ataupun peraturan Jabatan Penerangan memanglah tidak menggalakkan pegawai-pegawaiannya bekerja pada hari cuti. Jadi, saya berharap perkara ini patutlah diambil perhatian kerana bila kita hendak menjalankan satu-satu majlis penerangan ataupun majlis dialog ataupun kursus tentulah berkehendakkan seberapa ramai rakyat luar bandar dapat hadir dan tidak mengganggu masa mereka mencari sara

hidupnya. Dengan cara ini rancangan-rancangan yang dijalankan oleh Jabatan Penerangan untuk memberi penerangan kepada rakyat ini dapat diterima oleh mereka dengan sepenuh-penuhnya.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup. Oleh sebab ada nampaknya beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat hendak bercakap lagi,

esok saya akan benarkan beberapa orang, selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Majlis ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang, 27hb November, 1975.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*